
LAPORAN TAHUNAN 2024

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA





JABATAN PERDANA MENTERI
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

NADMA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
(NATIONAL DISASTER MANAGEMENT AGENCY)

Diterbitkan Oleh:

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Jabatan Perdana Menteri
Aras B1, 6 dan 7, Setia Perkasa 5
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya

+603 8870 4800
admin@nadma.gov.my

ISSN: 3030-6345

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara.


MARKAS PASUKAN MENCARI DAN MENYELAMAT KHAS MALAYSIA
SMART
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

ISI KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2024

PERUTUSAN TIMBALAN PERDANA MENTERI 8

MAKLUMAT KORPORAT NADMA 12
- Misi, Visi dan Moto 12
- Pengurusan Tertinggi 13
- Carta Organisasi 14
- Teras 17

SITUASI BENCANA 2024/2025 22
- Situasi Bencana ASEAN 2024 22
- Situasi Bencana di Malaysia 23
  - (i) Situasi Monsun Barat Daya (MBD) 2024 24
  - (ii) Situasi Monsun Timur Laut (MTL) 2024 / 2025 24

LAPORAN KETUA PENGARAH NADMA 30

A) PENCAPAIAN NADMA 2024 30
- Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 31
- Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana 33
- Pelan Strategik NADMA 2024 - 2028 34
- Kesiapsiagaan Logistik Bencana Negara 37
  - (i) Jambatan Keluli Bermodular (*Bailey Bridge*) 37
  - (ii) Pelaksanaan Ujian Penerimaan Akhir Jambatan Keluli Bermodular 37
  - (iii) Khemah Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) 41
  - (iv) Pembelian Bot Penyelamat 43
  - (v) Pelaksanaan Naziran Agihan Aset serta Barangan Bantuan NADMA 2023/2024 45
  - (vi) Kit Makanan 46
  - (vii) Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) 48
- Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Geospatial Pertahanan (DGIM) 49
- Pencapaian Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) 51
- Pelancaran Garis Panduan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) 52
- Konvensyen Rakan NADMA 54
- Penglibatan NADMA di Peringkat Antarabangsa 55
- Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) 57
- Majlis Apresiasi Petugas Barisan Hadapan MTL 2023/2024 58

B. LANGKAH KE HADAPAN (*WAY FORWARD*) **62**
- Arahan NADMA No. 2 62
- Penambahan Aset Logistik Bencana Negara 63
- Latihan Pemasangan dan Penyimpanan *Bailey Bridge* 63
- Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) 66
- Penyediaan Dokumen Mekanisme Inspektorat Pengurusan Operasi Bencana 67
- Persediaan INSARAG *External Reclassification* (IER) 2026 72
- Pasukan SMART
- Pembinaan Pusat Simulasi Bencana 78

MENELUSURI NADMA **84**
- Majlis Utama 84
- Penglibatan di Peringkat Antarabangsa 88
- Kunjungan Hormat 102
- Operasi Lapangan 106
- Rakan NADMA 110
- Pasukan SMART 113
- NADMA di Media Elektronik 117
- NADMA di Media Cetak 121

GLOSARI **130**

PERUTUSAN TIMBALAN PERDANA MENTERI





Kuala Lumpur City Centre, Kuala Lumpur

PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT



Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah rahmat Allah S.W.T., Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2024/2025 yang menjadi cerminan kepada iltizam, pencapaian serta hala tuju strategik agensi dalam mengemudi pengurusan bencana negara sepanjang tempoh pelaporan ini. Hala tuju strategik agensi dalam mengemudi pengurusan bencana negara sepanjang tempoh pelaporan ini.

Laporan ini bukan sekadar dokumen tahunan tetapi satu manifestasi kepada kesungguhan seluruh warga NADMA dalam merealisasikan misi agensi selaras dengan moto NADMA "Siaga Bencana, Tanggungjawab Bersama". Ia juga dapat memberi gambaran menyeluruh terhadap langkah-langkah persediaan, penyelarasan dan pelaksanaan operasi bencana yang telah dijalankan bersama pelbagai pihak berkepentingan.

Segala pencapaian dalam pelaporan ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa pendekatan *whole-of-nation* yang dizahirkan dalam semua fasa pengurusan bencana. Keberanian petugas barisan hadapan, komitmen agensi-agensi kerajaan, kesediaan komuniti akar umbi serta kerjasama sektor swasta dan badan bukan kerajaan di bawah platform Rakan NADMA, adalah antara faktor kejayaan penting.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menggerakkan misi pengurusan bencana secara kolektif termasuk agensi teknikal, jabatan kerajaan berkaitan, media, sukarelawan Rakan NADMA serta syarikat-syarikat telekomunikasi atas segala komitmen, kerjasama dan sokongan berterusan dalam menjayakan pengurusan bencana secara efektif.

Saya yakin bahawa melalui sinergi kukuh antara semua pemegang taruh, kita mampu memperkukuh budaya kesiapsiagaan bencana dalam kalangan masyarakat. Semoga segala usaha, semangat berpasukan dan dedikasi seluruh warga NADMA serta rakan strategik akan terus menyemarakkan iltizam kita bersama dalam menjadikan kesiapsiagaan sebagai tanggungjawab nasional menjelang tahun 2025 dan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

"SIAGA BENCANA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
PENGERUSI
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT



MAKLUMAT KORPORAT

- Misi, Visi dan Moto
- Pengurusan Tertinggi
- Carta Organisasi
- Teras



Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya

MAKLUMAT KORPORAT NADMA

VISI

Agensi Peneraju Utama Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Negara

MISI

Mengutamakan keselamatan rakyat dan kesejahteraan negara dengan memupuk kerjasama pelbagai pihak sebagai satu pasukan untuk membina serta meningkatkan keupayaan dan kesiapsiagaan dalam pengurusan bencana

MOTO

Siaga Bencana,
Tanggungjawab Bersama

PENGURUSAN TERTINGGI



DATUK KHAIRUL SHAHRIL IDRUS

Ketua Pengarah



ENCIK HUSSAIN MOH

Timbalan
Ketua Pengarah

Bahagian Pengurusan
Pasca Bencana



ENCIK ZAMAKHSHARI HANIPAH

Timbalan
Ketua Pengarah

Bahagian Perancangan
dan Persediaan Bencana




ENCIK MEOR ISMAIL MEOR AKIM

Timbalan
Ketua Pengarah

Bahagian Pelaksanaan
Operasi

CARTA ORGANISASI



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KESIAPSIAGAAN BENCANA

- Merangka dasar, pelan perancangan dan persediaan bencana;
- Mengurus setiakan urusan parlimen berkaitan dengan pengurusan bencana;
- Perancangan dan pengurusan logistik bencana seluruh negara;
- Mengarusperdanakan usaha-usaha pengurangan risiko bencana (*non-structural mitigation function*); dan
- Menjalani perhubungan dengan agensi serantau ASEAN, Asia, Asia Pasifik dan antarabangsa yang mempunya kepentingan serta kepakaran dalam bidang pengurangan risiko dan pengurusan bencana.

BAHAGIAN PELAKSANAAN OPERASI

- Merangka Pelan Operasi Pengurusan Bencana;
- Merangka perancangan dan penyelarasan dengan jabatan/agensi berkaitan dalam penyediaan dan pengemaskinian Pelan Tindakan Operasi (PTO) Bencana Negara;
- Merangka dan menyelaras peraturan/arahan gerakan dalam pengendalian bencana sebagai garis panduan bagi jabatan/agensi kerajaan berkaitan;
- Bertindak sebagai penasihat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah;
- Mengawal selia Pusat Kawalan Bencana Negara (*National Disaster Command Center*, NDCC); dan
- Mengurus dan memantau pengoperasian Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (*Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team*, SMART).

BAHAGIAN PASCA BENCANA

- Memastikan perancangan dan pelaksanaan program/projek pemulihan infrastruktur dan teknikal berjalan seperti ketetapan;
- Merancang program/projek teknikal dan infrastruktur serta memastikan pelaksanaannya disiapkan dalam tempoh masa, kualiti dan kos yang optimum bagi faedah jangka panjang;
- Menguruskan aspek-aspek pembangunan komuniti pasca bencana dari segi sudut bukan fizikal meliputi pembangunan semula ekonomi, sosial nilai budaya, pendidikan serta alam sekitar; dan
- Memastikan penyampaian bantuan bencana yang berkesan.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Memastikan pemerkasaan sistem dan proses kerja;
- Merancang dan melaksanakan tadbir urus kewangan yang efektif dan efisien;
- Mengurus dan melahirkan modal insan yang kompeten dan berintegriti;
- Memastikan persekitaran kerja yang kondusif; dan
- Memastikan prasarana ICT yang efisien dan selamat.

PASUKAN MENCARI DAN MENYELAMAT KHAS MALAYSIA (SMART)

- Melaksanakan tugas mencari dan menyelamat di luar kemampuan agensi penyelamat yang sedia ada;
- Menjalankan operasi mencari dan menyelamat yang rumit dan memerlukan kepakaran yang tinggi serta peralatan yang canggih;
- Bertanggungjawab dalam kejadian yang dijangka menjadi bencana besar serta melibatkan ramai mangsa; dan
- Bertindak membantu dalam kejadian bencana di dalam dan luar negara apabila diperlukan.

PUSAT KAWALAN BENCANA NEGARA (NDCC)

- Menyediakan laporan kejadian bencana kepada pihak pihak berkepentingan;
- Melaksanakan perkongsian maklumat bencana merentasi pelbagai agensi teknikal dan agensi tindak balas;
- Memastikan pengoperasian bilik operasi NDCC selama 24 jam setiap hari bagi memantau kejadian bencana;
- Mewujudkan jaringan kerjasama dan perkongsian maklumat berkaitan bencana dengan agensi dalam negara serta antarabangsa;
- Mengurus pengumpulan dan penyebaran maklumat serta amaran awal bencana bagi kejadian bencana yang berlaku di seluruh negara; dan
- Memantau pergerakan pengoperasian bencana termasuk pergerakan Pasukan SMART dan misi bantuan kemanusiaan (*Humanitarian Assistance and Disaster Relief*, HADR).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- Merancang, menyelaras dan melaksana aktiviti peningkatan imej NADMA melalui pelan promosi dan publisiti;
- Memantau isu-isu berkaitan agensi di media massa;
- Menyelaras, menerbit dan membuat dokumentasi bahan-bahan publisiti, ucapan dan foto;
- Mengurus dan mengendalikan perhubungan dengan pihak media;
- Bertindak sebagai *focal point* agensi dalam penyampaian maklumat kepada awam;
- Mengurus dan menyelaras pengurusan aduan, pertanyaan dan cadangan yang diterima oleh agensi; dan
- Merancang dan melaksana program perhubungan awam.

TERAS

Agensi Peneraju Pengurusan Bencana

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) adalah agensi peneraju utama pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana negara. NADMA bertanggungjawab untuk membentuk serta memastikan segala dasar dan mekanisme pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana negara dipatuhi dan dilaksanakan di setiap peringkat.

Tanggungjawab NADMA dalam pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana negara adalah seperti berikut:

- Menjadi agensi peneraju utama (*focal point*) pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.
- Mengeluarkan strategi, arahan, pelan tindakan, hala tuju dan dokumen panduan atau rujukan berkaitan, dengan pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana di peringkat dasar.
- Memastikan pengamalan serta pelaksanaan dasar dan mekanisme pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana berjalan lancar.
- Memberi khidmat nasihat mengenai pengendalian serta pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana mengikut kesesuaian.

- Menasihati Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) atau agensi peneraju untuk mengambil tindakan sebelum sesuatu kejadian bencana menjadi lebih sukar untuk dikendalikan termasuk di peringkat pasca bencana.

- Memberi sokongan/bantuan dalam menyelaras pergerakan agensi kerajaan dalam menangani kejadian bencana yang diuruskan oleh Agensi Peneraju.

- Mengumpul, menganalisis dan menyebarkan maklumat bencana melalui NDCC.

- Mengawal selia dan membuat pengauditan dalam pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana yang dijalankan oleh agensi kerajaan dan mengarahkan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana negara.

- Memberikan khidmat keurusetiaan kepada JPBP.

- Mengurus dan mengatur gerakkan Pasukan SMART untuk operasi mencari dan menyelamat di dalam dan luar negara apabila perlu.

- Menguruskan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) tertakluk kepada peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

- Merancang dan menyelaras dasar serta mengawasi pelaksanaan latih amal dan simulasi pengurusan bencana secara bersepadu dalam menghadapi dan mengurangkan risiko bencana.


- Memantau dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pengurangan risiko bencana yang dijalankan oleh agensi kerajaan bagi mencegah atau mengurangkan impak bencana.

- Merancang dan menyelaras dasar serta mengawasi pelaksanaan strategi kependidikan, latihan dan kesedaran kepada pegawai dan anggota agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang awam dalam menghadapi dan mengurangkan risiko bencana.

- Memastikan pasca nilai (*After Action Review*, AAR) pengendalian bencana diadakan selepas kejadian sesuatu bencana.

- Menyelaras pentaksiran kerugian dan kerosakan akibat bencana daripada agensi kerajaan.

- Menilai, menyelaras dan mengetuai misi bantuan kemanusiaan dan tindak balas bencana ke luar negara.
- Menilai dan menyelaras bantuan kemanusiaan dalam dan luar negara.





SITUASI BENCANA 2024/2025





Dewan Undangan Negeri Sarawak, Kuching

SITUASI BENCANA 2024/2025

Situasi Bencana ASEAN 2024



Laporan situasi bencana ASEAN 2024 ini adalah merangkumi kejadian bencana sepanjang Januari 2024 sehingga Mac 2025.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 1,755 kejadian bencana telah direkodkan di negara-negara ASEAN, merangkumi insiden banjir (59.66%), angin kencang (14.42%), ribut (11.17%), tanah runtuh (11.00%), kemarau (2.39%), letusan gunung berapi (0.74%) dan gempa bumi (0.63%). Kejadian-kejadian ini telah mengorbankan seramai 1,809 orang dan seramai 2,887,037 orang mangsa terjejas serta 2,887,037 mangsa terpaksa berpindah. Manakala 2,892,763 buah rumah telah rosak dengan anggaran nilai kerosakan sebanyak USD3.44 bilion.

Berdasarkan statistik tahun 2024, tiga (3) negara ASEAN yang mencatatkan jumlah kejadian bencana tertinggi ialah Indonesia (1,280 kejadian), Vietnam (165 kejadian) dan Thailand (143 kejadian). Sementara itu, Brunei dan Singapura tidak merekodkan sebarang kejadian bencana sepanjang tahun 2024.

Situasi Bencana di Malaysia

Corak cuaca dan iklim di Malaysia dipengaruhi oleh dua (2) monsun iaitu Monsun Timur Laut (MTL) yang juga dikenali sebagai musim tengkujuh mulai bulan November hingga Mac dan Monsun Barat Daya (MBD) mulai bulan Mei hingga September. Manakala waktu di antara kedua-dua monsun dikenali sebagai fasa Peralihan Monsun yang berlaku pada bulan Mac hingga Mei dan September hingga Oktober. Corak cuaca dan iklim ini boleh memberi kesan kepada kejadian-kejadian seperti berikut:

FENOMENA CUACA	IMPAK
Monsun Timur Laut (MTL) (Bulan November hingga Mac)	● Angin lazim dari arah timur laut; ● Hujan lebat berterusan di pantai timur Semenanjung, barat Sarawak dan pantai timur Sabah; ● Angin kencang dan laut bergelora; ● Tanah runtuh; dan ● Cuaca kering pada penghujung monsun di utara Semenanjung.
Fasa Peralihan Monsun (Bulan Mac hingga Mei)	● Angin lemah dari pelbagai arah; ● Ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat pada petang hingga awal malam; ● Berlaku di kebanyakan kawasan di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta kawasan barat dan tengah Sarawak; dan ● Berpotensi menjana belalai air / darat dan hujan batu.
Monsun Barat Daya (MBD) (Bulan Mei hingga September)	● Angin lazim dari arah barat daya; ● Atmosfera lebih kering dan kelembapan udara rendah; ● Bilangan hari tanpa hujan lebih banyak daripada bilangan hari hujan di kebanyakan negeri; dan ● Garis badai di pantai barat Semenanjung dan barat Sabah pada awal pagi.
Fasa Peralihan Monsun (Bulan September hingga Oktober)	● Angin lemah dari pelbagai arah; ● Ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat pada petang hingga awal malam; ● Berlaku di kebanyakan kawasan di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta kawasan barat dan tengah Sarawak; dan ● Berpotensi menjana belalai air / darat dan hujan batu.

Situasi Monsun Barat Daya (MBD) 2024

Monsun Barat Daya (MBD) 2024 telah bermula pada 17 Mei 2024 dan berakhir pada 23 September 2024. Semasa MBD, lazimnya angin bertiup secara konsisten dari arah barat daya dengan kelembapan udara yang lebih rendah dan keadaan atmosfera yang lebih stabil. Keadaan ini menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan yang membawa kepada taburan hujan yang lebih rendah dalam tempoh berkenaan. Sehubungan itu, kebanyakan tempat di seluruh negara telah mengalami bilangan hari tanpa hujan lebih banyak berbanding bilangan hari hujan.

Walau bagaimanapun, hujan lebat berserta angin kencang dan ribut petir masih boleh berlaku di kawasan barat Semenanjung, utara Sarawak dan barat Sabah, terutamanya pada awal pagi berikutan kehadiran fenomena garis badai (*squall line*). Garis badai adalah barisan ribut petir yang terbentuk akibat daripada penumpuan angin dan boleh berlarutan sehingga beberapa jam. Semasa kemuncak musim ini pada Julai hingga September, fenomena jerebu setempat dan rentas sempadan boleh berlaku sekiranya aktiviti pembakaran terbuka tidak dikawal.

Berikutan dengan situasi cuaca panas dalam tempoh MBD, NDCC NADMA telah mengeluarkan sebanyak 20 Laporan Ringkas Status Cuaca Panas untuk memberikan gambaran dan maklumat penting kepada pihak berkepentingan bagi memantau, menyelaras tindak balas dan membuat keputusan segera. NDCC juga telah mengeluarkan sebanyak dua (2) Notis Kesiapsiagaan Operasi Bencana Jerebu kepada semua agensi tindak balas sebagai langkah kesiapsiagaan menghadapi bencana.

Pada 21 hingga 23 Jun 2024, Operasi Pembenihan Awan (OPA) telah dijalankan di negeri Kelantan yang memberi tumpuan kepada tujuh (7) lokasi strategik iaitu meliputi kawasan sekitar Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Puteh, Dabong, Kemubu dan Manek Urai. Operasi ini bertujuan untuk meningkatkan paras air semasa Sungai Kelantan yang menjadi sumber utama pengairan kawasan penanaman padi seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). OPA juga telah dijalankan pada 29 Julai hingga 31 Julai 2024 di kawasan Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Muda, Kedah untuk meningkatkan paras air di kedua-dua empangan bagi tujuan pertanian dan kegunaan air domestik.

Situasi Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025

Sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025 pada 5 November 2024 sehingga 24 Mac 2025, sebanyak 10 episod hujan lebat telah berlaku yang melebihi daripada jangkaan awal serta jumlah hari terkumpul bagi episod hujan lebat tersebut adalah 29 hari. Jumlah hujan harian tertinggi adalah pada episod yang kedua iaitu sebanyak 656.3 mm yang direkodkan di daerah Besut, Terengganu pada 27 November 2024.

Sebanyak lima (5) daerah yang mencatatkan bacaan jumlah hujan terkumpul tertinggi sepanjang MTL 2024/2025 adalah Besut (Terengganu), Penampang (Sabah), Hulu Terengganu (Terengganu), Mukah (Sarawak) dan Dungun (Terengganu). Secara perbandingan, tempoh MTL 2024/2025 selama 140 hari melibatkan 10 episod hujan lebat adalah lebih lama berbanding tempoh MTL 2023/2024 selama 139 hari melibatkan (7) tujuh episod hujan lebat dan jumlah hari terkumpul bagi episod hujan lebat yang direkodkan untuk musim MTL 2024/2025 adalah 29 hari berbanding 18 hari untuk musim MTL 2023/2024.

Hujan lebat berterusan sepanjang MTL 2024/2025 telah menyebabkan banjir berlaku di 12 buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Sarawak dan Sabah. Hujan lebat yang berterusan melebihi (6) enam jam sepanjang MTL mengakibatkan bencana banjir berlaku di beberapa kawasan. Kawasan tersebut akan ditenggelami air dan mangsa yang terkesan akan dipindahkan ke PPS. Kejadian ini juga akan menyebabkan kerosakan ke atas pelbagai sektor seperti kemudahan dan infrastruktur awam, rumah kediaman, premis perniagaan, tanah pertanian dan kenderaan.


Perbandingan Impak Bencana Banjir MTL (2022/2023, 2023/2024 dan 2024/2025)

	MTL 2022/2023 (7 Nov 2022 – 22 Mac 2023)	MTL 2023/2024 (11 Nov 2023 – 28 Mac 2024)	MTL 2024/2025 (5 Nov 2024 – 24 Mac 2025)
Episod Hujan Lebat	6 episod (41 hari)	7 episod (18 hari)	10 episod (29 hari)
Negeri Terlibat	12	12	12
Daerah Terlibat	88	52	106
PPS Dibuka	1,399	673	1,485
Keluarga Terjejas	67,339	28,176	84,659
Mangsa Terjejas	236,172	94,426 (penurunan 60% dari 2022/2023)	274,533 (kenaikan 191% dari 2023/2024)
Kematian	12	4	15
Tanah Runtuh	104	23	60

Secara kumulatif, sepanjang MTL 2024/2025 yang bermula pada 5 November 2024 sehingga 24 Mac 2025 seramai 84,659 buah keluarga dan 274,533 orang mangsa yang terkesan akibat banjir telah ditempatkan di 1,485 buah PPS di 12 buah negeri. Sebanyak tiga (3) buah negeri yang mencatatkan jumlah mangsa yang tertinggi adalah negeri Kelantan seramai 110,517 orang mangsa (40.26%) dan diikuti negeri Terengganu seramai 66,870 orang mangsa (24.36%) serta negeri Sarawak seramai 31,609 orang mangsa (11.51%). Sebanyak tiga (3) buah daerah yang mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu daerah Pasir Mas, Kelantan melibatkan 33,967 mangsa (12.37%), daerah Tumpat, Kelantan melibatkan 21,649 mangsa (7.89%) dan daerah Besut, Terengganu melibatkan 16,783 mangsa (6.11%).

Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), 15 kematian telah direkodkan yang melibatkan lapan (8) kematian akibat kejadian banjir iaitu tiga (3) kematian di Machang, Kelantan, satu (1) kematian di Kapit, Sarawak, satu (1) kematian di Pasir Puteh, Kelantan, satu (1) kematian di Besut, Terengganu, satu (1) kematian di Tumpat, Kelantan dan satu (1) kematian di Dungun, Terengganu serta tujuh (7) kematian akibat tanah runtuh iaitu lima (5) kematian di Miri, Sarawak dan dua (2) kematian di Hulu Terengganu, Terengganu.

Jumlah mangsa banjir yang telah dipindahkan ke PPS bagi tempoh MTL 2024/2025 telah meningkat sebanyak 191% berbanding MTL 2023/2024 (94,426 mangsa). Jumlah kematian juga meningkat berbanding empat (4) kematian semasa 2023/2024. Peningkatan ini disebabkan jumlah hari terkumpul bagi episod hujan lebat yang direkodkan semasa MTL 2024/2025 adalah lebih tinggi berbanding MTL 2023/2024.



Sila imbas Kod QR di atas untuk membaca Laporan Khas Kajian Impak Banjir 2024 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Laporan Khas Impak Banjir Malaysia 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), nilai kerugian banjir di Malaysia pada tahun 2024 adalah sebanyak RM933.4 juta. Menurut DOSM, penilaian ini adalah bagi tempoh dari Januari hingga Disember 2024 meliputi semua negeri yang terjejas akibat banjir pada tahun tersebut. Nilai kerugian yang dicatatkan pada tahun 2024 ini meningkat sebanyak 23% berbanding RM755.4 juta yang dicatatkan pada tahun 2023.

Kejadian banjir semasa MTL merupakan kejadian banjir utama yang memberikan impak kepada nilai kerugian tersebut dengan mengambil kira jumlah mangsa yang terkesan. Melibatkan MTL 2024/2025 yang berlaku pada akhir tahun 2024 iaitu episod hujan lebat pertama (19 - 22 November 2024), kedua (26 November - 1 Disember 2024), ketiga (9 - 10 Disember 2024) dan keempat (29 - 30 Disember 2024) serta MTL 2023/2024 yang berlaku pada awal tahun 2024 yang melibatkan episod hujan lebat keenam (4 - 7 Januari 2024) dan ketujuh (23 - 25 Januari 2024).

Tempat kediaman merupakan aset yang paling teruk terjejas dengan nilai kerugian sebanyak RM372.2 juta. Ia diikuti dengan aset awam dan infrastruktur (RM303.4 juta), sektor pertanian (RM185.2 juta), premis perniagaan (RM54.1 juta), kenderaan (RM17.3 juta) dan pembuatan (RM1.2 juta). Negeri Kelantan merupakan negeri yang paling teruk terjejas dengan nilai kerugian sebanyak RM263.0 juta. Ia diikuti Kedah (RM193.7 juta), Terengganu (RM182.0 juta), Johor (RM59.0 juta) dan Perak (RM57.2 juta). Nilai kerugian untuk negeri-negeri lain adalah seperti di Lampiran B. Sebanyak 3 buah daerah yang mencatatkan nilai kerugian tertinggi iaitu Pasir Mas (RM58.0 juta), Besut (RM46.2 juta) dan Tumpat (RM38.6 juta).



LAPORAN KETUA PENGARAH 2024



Kampung Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands

LAPORAN KETUA PENGARAH NADMA

(A) PENCAPAIAN NADMA 2024

Antara pencapaian penting pada tahun 2024 yang menjadi penanda aras kepada kemajuan sistem pengurusan bencana negara termasuklah pelancaran Arahan NADMA No. 1 Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana yang menggantikan Arahan MKN No. 20. Arahan baharu ini memperkenalkan pendekatan pengurusan bencana yang lebih holistik dan responsif dengan struktur pelaksanaan yang lebih jelas dan menyeluruh merentas semua peringkat pentadbiran. Selari dengan usaha membina ketahanan jangka panjang juga, Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara (DRR) 2030 telah diperkenalkan dengan fokus terhadap pengukuhan daya tahan terhadap pelbagai risiko bencana dan strategi pencegahan yang lebih inklusif bagi menghadapi risiko bencana masa depan.

Dari sudut bantuan langsung kepada mangsa bencana, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sebanyak RM232 juta bagi Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada negeri-negeri, termasuk bayaran RM1,000 kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang terkesan dan RM10,000 untuk BWI Kematian. Tambahan pula, sebanyak RM9.28 juta diperuntukkan untuk operasi pengurusan bencana yang melibatkan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK).

Dari sudut kecekapan operasi lapangan, sebanyak 49 set pam air bergerak telah diperolehi dan diagihkan ke negeri-negeri berisiko tinggi iaitu Perak, Johor dan Kelantan untuk menangani masalah air termenung pasca banjir. Selain itu, lima (5) unit *Bailey Bridge* telah ditempatkan di lokasi strategik sebagai persediaan pantas bagi gangguan akses semasa bencana.

Dalam memperkukuh infrastruktur dan teknologi, sembilan (9) buah negeri telah dikenal pasti untuk pembangunan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB), manakala Sistem Pengurusan Maklumat Geospatial Bencana (DGIM) turut dilancarkan pada tahun ini bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi membolehkan pemantauan masa nyata dan penyelarasan data antara agensi secara lebih cekap.

Akhir sekali, penglibatan masyarakat terus diberi keutamaan menerusi pelaksanaan 89 program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) yang melibatkan lebih 30,000 peserta di seluruh negara. Garis panduan nasional turut diperkenalkan bagi memperkasa pelaksanaan program ini secara sistematik dan inklusif di seluruh negara.

Berikut adalah laporan pencapaian NADMA daripada setiap seksyen:

Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030







Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 24 September 2024 dan dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) semasa Sambutan Bulan Kesiapsiagaan Nasional di Kota Tinggi, Johor.

Dokumen dasar ini merupakan salah satu pencapaian strategik negara dalam memperkukuh daya tahan terhadap pelbagai risiko bencana melalui pendekatan yang menyeluruh, inklusif dan berasaskan data. Penggubalannya dilaksanakan secara kolaboratif dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan merentas sektor, selaras dengan prinsip *Sendai Framework for Disaster Risk Reduction* (SFDRR) 2015–2030 yang telah disesuaikan mengikut konteks dan keperluan negara. Ia turut mengambil kira cabaran perubahan iklim, pembangunan pesat serta kepelbagaian risiko bencana di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

Penggubalan dasar ini penting untuk memperkukuh dan menambah baik pengurusan bencana melalui langkah-langkah pengurangan risiko bencana yang lebih menyeluruh. Ia mengambil kira senario semasa perubahan iklim yang dijangka membawa kepada kejadian cuaca ekstrem.

Dasar ini juga menjadi pemacu kepada koordinasi yang lebih jelas dan tersusun antara semua pihak berkepentingan, sekali gus memperkukuh daya tahan, meningkatkan kesedaran serta mempertingkatkan tahap kesediaan masyarakat terhadap bencana melalui pendekatan pengurusan risiko yang komprehensif dan holistik.

Pencapaian sasaran ini akan menjadi bukti kesungguhan kerajaan dalam mengurangkan impak bencana secara berkesan. Dasar ini bukan sahaja berperanan sebagai platform untuk mentransformasikan pengurusan bencana negara, malah mencerminkan iltizam kolektif ke arah membina sebuah negara yang lebih selamat, berdaya tahan dan inklusif.

4 PRINSIP PENGURANGAN RISIKO BENCANA

- **Perkongsian tanggungjawab *(Shared responsibility)***
- **Penyertaan *(Participation)***
- **Keterangkuman *(Inclusive)***
- **Penyetempatan *(Localisation)***

5 TERAS STRATEGIK

TS1 – Menambah baik pemahaman risiko

Menambah baik dasar dan amalan dalam pengurusan risiko bencana berdasarkan pemahaman kepada pelbagai kemudah-terancaman, dimensi keupayaan, risiko seperti keterdedahan manusia dan aset serta ciri-ciri bahaya dan alam sekitar. Pengetahuan ini penting untuk diaplikasikan dalam penilaian risiko bencana untuk perancangan pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan.

TS2 – Mengukuhkan tadbir urus

Mengukuhkan tadbir urus dalam seluruh kitaran pengurangan risiko bencana merangkumi pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan.

TS3 – Melabur dalam pengurangan risiko bencana

Mengarusperdanakan pengurangan risiko bencana dalam pelaburan awam dan mengukuhkan perlindungan sosial melalui kerjasama awam-swasta dalam pendekatan pencegahan dan pengurangan risiko bencana secara struktur dan bukan struktur.

TS4 – Meningkatkan kesiapsiagaan untuk tindak balas bencana yang efektif dan pemulihan selepas bencana yang lebih baik

Mengintegrasikan konsep pengurangan risiko bencana dalam perancangan kesiapsiagaan dan tindak balas untuk meminimumkan impak semasa bencana dan mempercepatkan proses pemulihan selepas bencana.

TS5 – Membangunkan keupayaan dan penglibatan komuniti

Memperkasa keupayaan dan penglibatan komuniti dalam seluruh kitaran pengurangan risiko bencana iaitu pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan.

SASARAN UTAMA DAN TINDAKAN

SU1	SU2	SU3	SU4	SU5	SU6
Mengurangkan bilangan orang yang terjejas bencana menjelang tahun 2030	Mengurangkan kerugian langsung konomi akibat bencana	Mengurangkan kerosakan kepada infrastruktur kritikal dan gangguan kepada bekalan asas	Meningkatkan bilangan negeri, daerah dan PBT yang mempunyai strategi DRR menjelang 2030	Mengukuhkan kerjasama antarabangsa	Meningkatkan ketersediaan dan akses kepada sistem amaran awal pelbagai bahaya (multi-hazard), maklumat risiko dan penilaian risiko bencana

Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara





Arahan NADMA No 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara telah mendapat kelulusan Sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan berkuatkuasa pada 1 Ogos 2024 seterusnya membatalkan dan menggantikan Arahan MKN No. 20 (Semakan Semula) yang dikeluarkan pada 30 Mac 2012.

Arahan NADMA No. 1 ini menggariskan mekanisme pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana secara lebih menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa, dan selepas sesuatu kejadian bencana termasuk pengurangan risiko (DRR). Setiap agensi yang terlibat di setiap peringkat daerah, negeri dan pusat bertanggungjawab melaksanakan peranan masing-masing dengan merujuk kepada Arahan ini.

Antara elemen penambahbaikan yang dibuat di dalam arahan ini adalah seperti yang berikut:

i. Pindaan serta tambahan tafsiran Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana bagi setiap peringkat;

ii. Senarai Kementerian/Jabatan/Agensi dan tambahan perkara baharu bagi menyesuaikan terma baharu serta keperluan semasa pengurusan bencana merangkumi situasi dan cabaran;

iii. Penambahbaikan peranan dan tanggungjawab NADMA, Kementerian/ Jabatan/Agensi yang berkaitan;

iv. Penekanan aspek pengurusan maklumat yang lebih terselaras melalui NDCC;

v. Penambahbaikan tatacara pengisytiharan bencana dan darurat bencana, pengaktifan dan penutupan PKTK dan PKOB serta mekanisme pelaporan dan komunikasi PKTK dan PKOB;

vi. Penambahbaikan bidang tugas Jawatankuasa Pengurusan Bencana bagi setiap peringkat serta bidang tugas dan tanggungjawab Komander Operasi Bencana; dan

vii. Pengemaskinian carta peranan agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana di tempat kejadian.

Semua pihak termasuk agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela akan menjadikan Arahan baharu ini sebagai panduan kerana di dalamnya telah menjelaskan dengan terperinci peranan dan tanggungjawab semua pihak secara lebih efektif dan holistik.

Pemakaian Arahan ini juga akan dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang pembaziran, kekeliruan, konflik, percanggahan atau pertindihan peranan semasa menangani bencana.

Pelan Strategik NADMA 2024 - 2028




NADMA telah membangunkan Pelan Strategik NADMA 2024-2028 yang menjadi panduan penting bagi seluruh warga kerja dalam memantapkan kepimpinan dan peranan NADMA selaku agensi peneraju utama pengurusan dan pengurangan risiko bencana negara bagi tempoh lima (5) tahun mulai 2024 hingga 2028.

Pelan Strategik ini merupakan pelan jangka sederhana bertujuan memantapkan tadbir urus NADMA dalam pelaksanaan inisiatif pengurangan risiko bencana merujuk kepada dasar, agenda-agenda utama negara serta komitmen di peringkat serantau dan antarabangsa meliputi Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana, Rancangan Malaysia Ke-12, ASEAN *Agreement on Disaster Management and Emergency Response* (AADMER), Kerangka Kerja Sendai Untuk Pengurangan Risiko Bencana (SFDRR), *Sustainable Development Goals* (SDG) dan Teras Strategik Malaysia MADANI.

Berpandukan kepada enam (6) teras, 29 strategi dan 59 program, NADMA akan memberi fokus kepada peningkatan kapasiti pelbagai pihak bagi mengurus sesuatu bencana secara terselaras berkonsepkan pendekatan *whole-of-nation* melalui:



Seiring dengan penekanan terhadap DRR, Pelan Strategik ini turut menekankan kepentingan pemantauan dan penilaian risiko, pemulihan pasca bencana yang holistik serta penglibatan komuniti dalam proses perancangan dan pelaksanaan dasar.



6 TERAS

25 STRATEGI

52 PROGRAM

Keberhasilan strategi dan aktiviti dalam Pelan Strategik ini akan memenuhi hasrat kerajaan bagi mengelak dan mengurangkan risiko bencana serta mengurangkan impak meliputi jumlah mangsa yang terkesan, kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda, tempat tinggal, pekerjaan, infrastruktur, ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan alam sekitar.

Pelan Strategik NADMA 2024-2028 mencerminkan aspirasi dan komitmen NADMA dalam mendepani isu-isu strategik yang berkaitan dengan fungsi, peranan dan tanggungjawab NADMA untuk pelaksanaan penyampaian perkhidmatan yang lebih holistik dalam pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana.

Kesiapsiagaan Logistik Bencana Negara

Jambatan Keluli Bermodular (*Bailey Bridge*)

Pada tahun 2024, NADMA telah melaksanakan perolehan lima (5) unit *Bailey Bridge* yang terdiri daripada 60 unit kontena sebagai inisiatif Kerajaan melalui JPBP.


Langkah ini diambil sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang bagi memperkukuhkan kesiapsiagaan logistik bencana negara, khususnya dalam menghadapi situasi kecemasan yang melibatkan gangguan pada jaringan jalan perhubungan. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama erat antara NADMA, Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) dan Jabatan Kerja Raya (JKR), yang memainkan peranan penting dalam aspek teknikal pemasangan serta penyelenggaraan jambatan tersebut.

Bailey Bridge berfungsi sebagai jambatan sementara yang dapat digunakan bagi menggantikan jambatan kekal yang rosak atau musnah akibat bencana alam seperti banjir besar, tanah runtuh, atau bencana lain yang sering berlaku di Malaysia, terutamanya semasa MTL.

Dengan keupayaannya untuk dipasang dalam tempoh yang singkat dan tahap fleksibiliti yang tinggi, jambatan ini membolehkan pemulihan segera terhadap rangkaian perhubungan yang kritikal, sekali gus memastikan kelangsungan penghantaran bantuan kemanusiaan, pergerakan aset penyelamat dan pemindahan mangsa bencana ke lokasi yang lebih selamat. Selain itu, penggunaan *Bailey Bridge* terbukti berkesan dalam membolehkan akses segera ke kawasan yang terjejas dalam kejadian-kejadian bencana sebelum ini.

Pelaksanaan Ujian Penerimaan Akhir Jambatan Keluli Bermodular

Bagi memastikan setiap aset yang diterima berada dalam keadaan baik serta menepati spesifikasi yang telah ditetapkan, pelaksanaan Ujian Penerimaan Akhir (*Final Acceptance Test*, FAT) telah dijalankan pada 23 Jun hingga 2 Julai 2024 bertempat di Depot Simpanan Pertahanan, Sungai Buloh, Selangor. Ujian ini merangkumi pemeriksaan menyeluruh dari segi kualiti, ketahanan dan kesesuaian aset untuk digunakan dalam operasi lapangan. Pelaksanaan FAT tersebut telah melibatkan seramai 100 orang petugas yang terdiri daripada agensi teknikal, termasuk JKR dan RAJD. Selain itu, pelaksanaan FAT juga menjadi platform untuk menyelaras maklumat teknikal, mengesahkan keberkesanan aset serta memastikan semua komponen berada dalam keadaan selamat dan boleh diguna pakai ketika operasi.









Selain itu, Majlis Penyerahan *Bailey Bridge* daripada pihak pembekal kepada NADMA telah diadakan pada 27 Julai 2024 sebagai simbolik penyerahan rasmi aset tersebut kepada kerajaan. Majlis ini bukan sahaja menandakan penerimaan aset secara rasmi, malah turut menjadi bukti komitmen semua pihak dalam memastikan kesiapsiagaan infrastruktur dapat dipertingkatkan bagi tujuan pengurusan bencana.





Pemilihan lokasi penempatan bagi kesemua lima (5) unit *Bailey Bridge* ini dibuat berdasarkan pertimbangan strategik, mengambil kira faktor-faktor seperti risiko bencana, keperluan akses segera semasa kecemasan serta kedudukan logistik yang membolehkan pengoperasian dan pemasangan dilaksanakan dengan pantas dan berkesan.

Justeru, bagi memastikan setiap tindakan dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan, sesi semakan fizikal dan penyelarasan dokumen aset telah dijalankan di setiap lokasi penempatan oleh pegawai dari Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Seksyen Logistik (SL) dan Seksyen Teknikal dan Infrastruktur (STI).

Berikut merupakan senarai lokasi penempatan *Bailey Bridge*:

1. Kem Desa Pahlawan, Kelantan (14 Ogos 2024)





2. JKR Bekenu, Miri, Sarawak (8 Disember 2024)





3. JKR Putatan, Sabah (3 Disember 2024)





4. JKR Keningau, Sabah (3 Disember 2025)





5. JKR Kinabatangan, Sabah (6 Disember 2025)





Penempatan ini bertujuan untuk memastikan kesiapsiagaan yang lebih baik dalam menangani sebarang gangguan infrastruktur jalan akibat bencana, seterusnya mempercepatkan pemulihan rangkaian perhubungan bagi membolehkan bantuan kemanusiaan dan operasi penyelamatan dapat digerakkan dengan lebih efisien.

Selain itu, bagi memastikan jabatan yang menerima aset *Bailey Bridge*, khususnya di Sabah dan Sarawak, mendapat latihan pemasangan yang tepat dan berkesan, NADMA merancang untuk melaksanakan Sesi Latihan Pemasangan *Bailey Bridge* Zon Malaysia Timur. Latihan di Pusat Penyimpanan Komponen *Bailey Bridge*, JKR Putatan, Sabah pada 13 hingga 19 Januari 2025 telah dilaksanakan bersama JKR Sabah dan JKR Sarawak.

Khemah Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)

Bagi memastikan pengurusan bencana dapat dilaksanakan secara berpasukan dengan lebih cekap dan berkesan, NADMA telah mengambil inisiatif menambah baik kemudahan khemah PKTK dengan ciri-ciri yang lebih lengkap dan tersusun bagi menyokong kelancaran operasi di lapangan, termasuk sebagai pusat koordinasi utama untuk menguruskan sumber, menyelaras maklumat serta memudahkan kerjasama antara agensi yang terlibat.

Pemilihan komponen dan spesifikasi khemah ini telah dibuat secara bersama dengan agensi-agensi responder utama seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pasukan SMART dan lain-lain. Proses pemilihan komponen ini bertujuan memastikan bahawa khemah yang diperoleh memenuhi keperluan operasi sebenar di lapangan bersesuaian dengan cabaran dan kompleksiti yang dihadapi semasa bencana berlaku.



FUNGSI UTAMA KHEMAH PKTK



Pengagihan Khemah PKTK Setiap Negeri

Pengagihan khemah PKTK bagi setiap negeri telah dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) berdasarkan beberapa faktor utama yang dipertimbangkan dalam pengurusan bencana. Berikut adalah bilangan khemah PKTK setiap negeri:

BIL	NEGERI	BILANGAN UNIT	TARIKH PELAKSANAAN NAZIRAN
1	Selangor	2	19 Julai 2024
2	WP Kuala Lumpur	1	16 Ogos 2024
3	Kedah	2	22 Julai 2024
4	Perlis	1	22 Julai 2024
5	Perak	2	29 Julai 2024
6	Pulau Pinang	2	25 Julai 2024
7	Kelantan	3	29 Julai 2024
8	Pahang	3	2 Ogos 2024
9	Terangganu	3	31 Julai 2024
10	Melaka	1	14 Ogos 2024
11	Negeri Sembilan	2	24 Julai 2024
12	Johor	3	12 Ogos 2024
13	Sabah	3	7 Ogos 2024
14	Sarawak	3	23 Ogos 2024

Jumlah agihan khemah PKTK direkodkan berdasarkan hasil naziran yang telah dilaksanakan oleh Seksyen Logistik NADMA sepanjang Julai hingga Ogos 2024. Hasil daripada naziran ini membolehkan NADMA:

- Menilai dan memastikan jumlah aset sedia ada dan kelengkapan menghadapi bencana mencukupi di setiap negeri;
- Mengenal pasti keperluan tambahan berdasarkan penggunaan sebenar dan keperluan operasi di lapangan; serta
- Memastikan aset berada dalam keadaan baik dan bersedia untuk digunakan pada bila-bila masa.

Pembelian Bot Penyelamat

Bot Penyelamat ini merupakan inisiatif NADMA dalam membantu JPBN dan JPBD bagi memperkukuhkan keupayaan operasi menyelamat dan pemindahan mangsa bencana. Fokus utama inisiatif ini adalah untuk memastikan kelancaran operasi di kawasan yang mengalami gangguan akses darat akibat banjir atau kejadian luar jangka lain.

Sebagai langkah kesiapsiagaan, pada tahun 2022, NADMA telah menyalurkan peruntukan kepada setiap JPBN bagi perolehan bot penyelamat berserta kelengkapan seperti enjin dan jaket keselamatan. Langkah ini diambil bagi

memastikan aset penyelamat yang mencukupi dan bersedia untuk digunakan dalam menghadapi sebarang situasi bencana. Dengan adanya penambahan bot penyelamat dapat meningkatkan tahap kesiapsiagaan khususnya dalam kecekapan operasi tindak balas dapat ditingkatkan selain memastikan bantuan dapat disalurkan dengan lebih cepat dan berkesan kepada mangsa yang terjejas.









Bagi memastikan penyelarasan yang efektif dalam perolehan aset ini, Seksyen Logistik telah melaksanakan naziran di setiap negeri bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai keperluan, status aset sedia ada serta mengenal pasti sebarang kekurangan yang perlu ditambah baik. Langkah ini supaya aset yang diterima dapat digunakan secara optimum dan diselaraskan mengikut keperluan sebenar di lapangan.

Berikut adalah jumlah Bot Penyelamat bagi setiap negeri:

BIL	NEGERI	BILANGAN UNIT (Bot Fiber)	TARIKH PELAKSANAAN NAZIRAN
1	Selangor	30	19 Julai 2024
2	WP Kuala Lumpur	6	16 Ogos 2024
3	Kedah	-	22 Julai 2024
4	Perlis	Tiada perolehan	22 Julai 2024
5	Perak	26	29 Julai 2024
6	Pulau Pinang	10	25 Julai 2024
7	Kelantan	22	29 Julai 2024
8	Pahang	6	2 Ogos 2024
9	Terangganu	23	31 Julai 2024
10	Melaka	6	14 Ogos 2024
11	Negeri Sembilan	14	24 Julai 2024
12	Johor	21	12 Ogos 2024
13	Sabah	45	7 Ogos 2024
14	Sarawak	70	23 Ogos 2024

***Naziran tidak dilaksanakan di negeri Perlis berikutan risiko banjir yang rendah**

Pelaksanaan Naziran Agihan Aset serta Barangan Bantuan NADMA 2023/2024

Pelaksanaan naziran diadakan untuk menyelaras usaha kesiapsiagaan dan memperkukuh keupayaan pengurusan bencana di peringkat negeri dan daerah. Ia juga berperanan mengawal selia serta melaksanakan pengauditan terhadap pengurusan bencana oleh agensi kerajaan, di samping mengarahkan langkah penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan bencana negara.

Bagi memastikan tahap kesiapsiagaan sentiasa berada pada paras yang tinggi, beberapa aspek logistik diberi perhatian, termasuk khemah koordinasi PKTK yang diselia oleh Komander Operasi Bencana Negeri serta bot-bot yang diselia oleh Pengerusi JPBN. Sehubungan itu, sesi naziran kali ini bukan sahaja menumpukan kepada pengauditan data inventori dan penyimpanan fizikal aset bantuan, malah turut merangkumi perbincangan bersama Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap negeri, khususnya melibatkan Pengerusi (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri), Komander Operasi Bencana Negeri (PDRM Negeri), Sekretariat (APM Negeri), dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri.

Kit Makanan

NADMA dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan JPBN telah mula memberikan Bantuan Makanan Bencana Negara berbentuk Kit Makanan bernilai RM70.00 seunit kepada setiap KIR apabila mereka mendaftar keluar dari Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Tindakan ini diambil berdasarkan cadangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ketika itu semasa Mesyuarat *High Level Committee* (HLC) bertarikh 5 November 2015 dan ianya dipersetujui oleh Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi JPBP pada 16 Februari 2016. Tindakan ini diambil berdasarkan cadangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ketika itu semasa Mesyuarat *High Level Committee* (HLC) bertarikh 5 November 2015 dan ianya dipersetujui oleh Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi JPBP pada 16 Februari 2016.

Hubungan kerjasama NADMA dan FAMA ini sangat disyorkan oleh Menteri Kewangan melalui surat bertarikh 14 Oktober 2020 yang menggalakkan kesinambungan kerjasama dua hala antara agensi kerajaan. NADMA bekerjasama dengan pihak FAMA dalam urusan pembekalan Kit Makanan ini selaras dengan fungsi dan peranan FAMA yang bertindak memasarkan barangan produk tempatan berasaskan pertanian. Sekaligus dapat memberi manfaat dan meningkatkan pendapatan kepada usahawan tani kecil dan sederhana (IKS) negara.

FAMA juga mempunyai kredibiliti kukuh sebagai pengeluar produk serta peneraju pemasaran barangan makanan dan hasil pertanian negara. Selain mengeluarkan produk sendiri di bawah jenama Agromas, FAMA mempunyai infrastruktur pemasaran dan sistem rantaian bekalan, serta logistik yang cekap dan berkesan, termasuk mempunyai lebih 40 pusat operasi di seluruh negara. Justeru, Kit Makanan yang dibekalkan oleh FAMA adalah lebih terjamin dari segi keseragaman item, kualiti, *value for money* dan ketersediaan stok.

Wujud permintaan agar bantuan Kit Makanan kepada mangsa bencana tidak terhad kepada semasa MTL sahaja memandangkan intensiti dan magnitud bencana di luar musim MTL juga tinggi, sekali gus menuntut kepada bantuan kebajikan kepada mangsa. Selain itu, Kit Makanan yang tidak diagihkan perlu dilupuskan secara agihan latihan mahupun sumbangan kepada badan bukan kerajaan (NGO) setelah tamat musim MTL, sedangkan Kit Makanan tersebut masih boleh diagihkan kepada mangsa bencana di luar musim MTL.

Dalam pada itu, penyediaan makanan dan minuman bermasak untuk petugas operasi hadapan setakat ini hanya disediakan di PPS. Petugas perlu ke PPS terdekat untuk mendapatkan makanan dan minuman bermasak. Ini akan memberi kesan kepada operasi dan tindak balas bencana di tempat kejadian.

Selaras dengan ulang tahun ke-10 hubungan kerjasama strategik NADMA dan FAMA terus diperkukuhkan. Mesyuarat JPBP Bilangan 2 Tahun 2024 pada 3 Oktober 2024 telah bersetuju terhadap perluasan dasar melibatkan pemberian bantuan makanan bencana negara tidak lagi terhad diberikan MTL sahaja tetapi juga semasa apa-apa bencana yang berlaku sepanjang tahun. Penerima juga tidak terhad kepada mangsa bencana, Petugas Operasi Hadapan di lapangan juga diberikan mengikut keperluan.

Sehingga 22 Ogos 2025, FAMA telah membekalkan sebanyak 62,650 unit Kit Makanan dan 91,440 unit makanan retort kepada Sekretariat JPBN dan JPBD, JKM dan mana-mana jabatan/agensi yang ditetapkan oleh pihak NADMA untuk diagihkan kepada mangsa bencana dan Petugas Operasi Hadapan di lapangan.










Berikut adalah statistik agihan Kit Makanan dan makanan retort sepanjang tahun 2025:



Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB)

Sebagai salah satu strategi jangka panjang kerajaan dalam memperkukuh kesiapsiagaan bencana di peringkat komuniti, NADMA memperkenalkan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB). PPKB ini dilengkapi dengan kemudahan asas yang lebih selesa bagi menampung mangsa bencana.

Inisiatif PPKB direka dengan tujuan dwi-fungsi: untuk berfungsi sebagai pusat pemindahan kekal semasa kejadian bencana dan untuk digunakan bagi aktiviti pelajar atau acara komuniti tempatan semasa tempoh aman (bukan bencana). Pendekatan inovatif ini mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengintegrasikan kesiapsiagaan bencana ke dalam struktur infrastruktur komuniti. NADMA secara strategik memperluaskan pembinaan pusat pemindahan kekal bencana ini di kawasan yang terdedah bencana.

Terdapat sembilan (9) projek rintis pembinaan PPKB baharu dan dua (2) PPS yang dinaiktaraf bagi dijadikan PPKB sedang dilaksanakan di bawah pemantauan

Seksyen Teknikal dan Infrastruktur (STI) NADMA. Pengarah STI NADMA juga telah mengadakan lawatan tapak bagi memantau pembinaan PPKB di Sekolah Kebangsaan Seri Medan, Batu Pahat, Johor, pada 1 Oktober 2024. Projek tersebut dijangka siap pada November 2025.

Pada 3 Oktober 2024, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan PPKB pertama (PPS yang dinaiktaraf dijadikan PPKB) iaitu Dewan Serbaguna Taman Kota Jaya, Kota Tinggi, Johor semasa pelancaran Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2024.



Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Geospatial Pertahanan (DGIM)

DGIM diiktiraf sebagai satu sistem yang kritikal untuk meningkatkan kesedaran situasi dan memudahkan pembuatan keputusan berasaskan data semasa kejadian bencana. Sistem ini berjaya dikembangkan penggunaannya ke semua negeri di Malaysia pada 16 Julai 2024. Perkongsian penggunaan sistem ini adalah bagi memastikan laporan dalam pengurusan bencana dapat dibuat lebih cepat, cekap dan *real-time*.

Penggunaan sistem DGIM sedia ada menawarkan kecekapan kos yang besar dengan menghapuskan keperluan kerajaan negeri untuk mendapatkan perunding luar bagi membangunkan sistem berasingan sejajar dengan usaha pendigitalan kerajaan. Untuk literasi penggunaan sistem tersebut, NADMA menganjurkan bengkel *hands-on* melibatkan semua kerajaan negeri, APM dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP). Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pegawai dalam penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi

pengurusan rekod bencana. Bengkel tersebut diadakan di NDCC melibatkan 46 peserta dan fasilitator dari NADMA dan JUPEM.

Melalui sistem DGIM, NDCC telah membangunkan Papan Pemuka Pengurusan Bencana (DPB) yang komprehensif untuk memantau situasi bencana semasa. Sistem ini menyediakan akses cepat dan mudah kepada banyak data dari pelbagai agensi termasuk maklumat kritikal mengenai demografi penduduk, jenis guna tanah, kawasan panas banjir, lokasi projek mitigasi banjir, kawasan cerun berisiko tinggi, lokasi Pejabat Daerah, lokasi PPS dan bilangan kemudahan awam dan utiliti.

Usaha transformasi digital melalui pengembangan sistem DGIM ke seluruh negara dan pembangunan DPB jelas menunjukkan komitmen padu dari NADMA. Keupayaan untuk mengakses data yang komprehensif dan terkini daripada pelbagai agensi dalam satu pangkalan data dapat memudahkan pembuat keputusan yang bermaklumat dan penempatan sumber yang disasarkan semasa kecemasan, membawa kepada operasi tindak balas bencana yang lebih berkesan dan cekap. Ia juga memupuk budaya perkongsian data dan kerjasama di kalangan pelbagai agensi.

Taklimat kepada Jabatan Audit Negara (JAN) mengenai sistem DGIM juga telah diadakan pada 19 Ogos 2024 bagi menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan sistem.



Pencapaian Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)







Pasukan SMART berfungsi sebagai Pasukan Mencari dan Menyelamat Bandar (USAR) Elit Malaysia, memainkan peranan kritikal dalam operasi bencana yang kompleks di dalam dan luar negara. Pencapaian penting dalam tempoh pelaporan adalah pengiktirafan yang diterima oleh Pasukan SMART dari PBB yang mengikut proses audit yang teliti. Akreditasi antarabangsa ini membuktikan keupayaan tinggi dan pematuhan mereka terhadap piawaian global dalam operasi mencari dan menyelamat bandar termasuk mempunyai tahap latihan yang tinggi dan peralatan yang canggih untuk melaksanakan operasi.

Semasa melaksanakan operasi di luar negara sebagai contoh semasa mereka diaturgerak ke Myanmar pada Mac 2025, pasukan ini berjaya menjumpai seorang mangsa hidup dan 10 mangsa yang telah meninggal dunia termasuk empat kanak-kanak yang tertimbus dalam runtuhan.

Pakej 11 dalam 1 ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia dan yang kedua di ASEAN, selepas Singapura. Pusat simulasi baharu ini menyediakan senario latihan yang komprehensif dan realistik untuk kegunaan latihan untuk anggota pasukan SMART. Tapak simulasi ini juga boleh digunakan oleh agensi penyelamat penting lain seperti JBPM, PDRM, APM, ATM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pasukan Tindak Balas Kecemasan (ERT) sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), komuniti tempatan dan pelajar dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Pelancaran Garis Panduan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM)

Garis Panduan CBDRM di Malaysia telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 14 Mei 2024 semasa Mesyuarat JPBP Bilangan 1 Tahun 2024. Garis panduan ini dibukukan sebagai usaha NADMA untuk memastikan program CBDRM dapat dilaksanakan secara efektif dan seragam di setiap peringkat pusat, negeri dan daerah di seluruh Malaysia. Bagi pengamal CBDRM, garis panduan ini menjadi rujukan utama dalam membangunkan kapasiti secara sistematik di peringkat komuniti.







Penghasilan buku garis panduan ini adalah hasil kerjasama erat antara NADMA dan Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam. Turut menyumbang kepada pembangunan garis panduan ini adalah sokongan padu daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA), APM, JMG, JPS, MET Malaysia, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta ahli akademik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Selain itu, NGO seperti Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY Malaysia), Malaysian Relief Agency (MRA), Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), *Red A Humanitarian Development Global*, Pertubuhan Gabungan Bantuan Bencana NGO Malaysia (BBNGO) dan Yayasan Telekom Malaysia (TM) turut memberikan sokongan dan input secara langsung.

Garis panduan ini merangkumi lima (5) bab utama iaitu perkara-perkara seperti yang berikut:

1. **Konsep, jenis dan profil bencana di Malaysia**
2. **Mekanisme pengurusan bencana negara termasuk SFDRR 2015-2030, sejarah penubuhan dan fungsi NADMA serta peranan komuniti dalam pengurusan bencana. Dokumen ini selari dengan SFDRR 2015-2030 yang mencerminkan komitmen kerajaan dalam memenuhi agenda global pengurangan risiko bencana;**
3. **Tujuh (7) proses pelaksanaan CBDRM, bermula dari mengenal pasti komuniti sasaran sehingga memantau dan menilai program;**
4. **Lima (5) Modul Pelaksanaan CBDRM yang meliputi Pengurangan Risiko Bencana, Kesiapsiagaan Komuniti dalam Bencana, Aktiviti Kesiapsiagaan Komuniti, Aktiviti Berkaitan Persekitaran dan Pelan Tindakan Bencana; dan**
5. **Hala tuju ke arah pembentukan komuniti berdaya tahan.**

Selaras dengan pelancaran garis panduan ini, NADMA telah mencatat pencapaian signifikan dalam pelaksanaan program CBDRM. Sepanjang tahun 2024 (Januari – Oktober 2024), sebanyak 89 program CBDRM telah dilaksanakan di seluruh negara yang melibatkan seramai 30,141 orang peserta yang terdiri daripada ketua komuniti, belia, NGO dan komuniti luar bandar.

Dengan pengenalan garis panduan ini, NADMA menggalakkan semua pihak berkepentingan termasuk NGO, sukarelawan, agensi dan profesional untuk melaksanakan program CBDRM di peringkat masing-masing dengan merujuk kepada garis panduan yang disediakan. Diharapkan melalui panduan dari garis panduan yang dibangunkan ini dapat membantu memacu negara ke arah paradigma baharu dalam pengurusan bencana dan membentuk komuniti yang lebih selamat dan berdaya tahan bencana.

Konvensyen Rakan NADMA



Buat julung kalinya, NADMA telah menganjurkan satu Konvensyen Rakan NADMA yang dianjurkan pada 8 Oktober 2024 di Hotel DoubleTree By Hilton Putrajaya Lakeside. Konvensyen ini diadakan sempena sambutan Bulan Kesiapsiagaan Nasional (BKN) dan Hari Antarabangsa Untuk Pengurangan Risiko Bencana (IDDRR). Konvensyen ini membawa tema "Malaysia Madani, Siaga Bencana".

Penganjuran konvensyen ini dibuat dengan kerjasama Pusat Kesiapsiagaan dan Pencegahan Bencana (DPPC), Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun (MJIIT), UTM Kuala Lumpur. Konvensyen ini merupakan platform perkongsian pengetahuan yang menampilkan sesi transformasi DRR yang menghubungkan perspektif global dengan tindakan tempatan yang memberi tumpuan kepada memperkasakan kumpulan rentan, khususnya wanita, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU).

Penganjuran konvensyen ini membuktikan komitmen penuh kerajaan untuk memperkasakan sistem sokongan terhadap pengurusan bencana negara. Oleh itu, pelbagai pelaksanaan strategi-strategi *game-changer* akan terus diperhebat melalui kolaborasi bersama pihak NGO, swasta dan akademia berteraskan pendekatan setempat (*localization approach*). Konvensyen pada kali ini

mendapat penyertaan daripada pelbagai sektor NGO dan sukarelawan di bawah payung Rakan NADMA. Sehingga kini, seramai 27,000 orang sukarelawan dan pemain-pemain sektor kemanusiaan dan sukarelawan telah mendaftar sebagai Rakan NADMA sejak ia ditubuhkan pada 2016.

Melalui platform konvensyen ini, NADMA berjaya meningkatkan sumbangan Rakan NADMA NGO serta memupuk model kolaboratif unik yang mengintegrasikan agensi kerajaan, NGO, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) / sektor swasta, ahli akademik dan juara tempatan dari pelbagai sektor dan kepakaran.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah hadir bagi merasmikan Konvensyen Rakan NADMA 2024 dan turut melancarkan Pelan Rejuvenasi Rakan NADMA 2030. Pelan ini digunakan untuk menyuntik gagasan pemikiran baharu dan menerokai model kerjasama unik rentas sektor dalam mengukuh tadbir urus, ekosistem pelaksanaan program dan kemampanan kewangan.

Terdapat tiga (3) tonggak utama yang memacu pencapaian Rakan NADMA iaitu Pembangunan Kapasiti dan Kepakaran, Pengukuhan Daya Tahan Komuniti dan Penyelarasan Operasi dan Koordinasi.

Penglibatan NADMA Di Peringkat Antarabangsa



Sepanjang tahun 2024, NADMA terus memperkukuh peranan Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa melalui pelbagai misi bantuan kemanusiaan, mesyuarat dua hala, program latihan dan pelbagai platform kerjasama strategik. Setiap penglibatan ini berperanan penting dalam memperluaskan jaringan, memantapkan koordinasi serta membina kapasiti teknikal dalam pengurusan bencana.





Pada tahun 2025, Pasukan SMART telah diaturgerak ke Myanmar untuk melaksanakan misi mencari dan menyelamat susulan bencana gempa bumi yang melanda negara tersebut. Kejayaan misi ini menonjolkan kemampuan NADMA mengatur logistik berskala besar di luar negara serta menepati piawaian operasi antarabangsa.

Di peringkat serantau, di bawah ASEAN *Committee on Disaster Management* (ACDM), Malaysia telah memainkan peranan yang aktif melalui ASEAN *Agreement on Disaster Management and Emergency Response* (AADMER) dan antara pendokong utama setiap aktiviti di bawah naungan Program Kerja AADMER selaku Pengerusi Bersama bagi ACDM *Working Group on Preparedness, Response and Recovery* (WG on PRR).

Pengemaskinian pelaksanaan program, aktiviti dan isu-isu berkaitan AADMER, kerjasama rentas-sektor, serta pengoperasian AHA *Centre* perlu dilaporkan kepada Mesyuarat ACDM yang diadakan sebanyak dua kali setahun. Hasil Mesyuarat ACDM pula akan dilaporkan dalam Mesyuarat AMMDM dan *Conference of the Parties* (COP) *to the* AADMER.

AMMDM merupakan badan tertinggi pengurusan bencana di peringkat Menteri-Menteri ASEAN yang bertanggungjawab dalam pengurusan bencana dan menjadi platform untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan terhadap program dan aktiviti pengurangan risiko bencana, pengurusan bencana dan tindak balas kecemasan secara bersama di peringkat ASEAN. Merujuk kepada Perkara 21 Perjanjian AADMER, COP *to the* AADMER berperanan untuk memantau, menilai pelaksanaan dan menyemak perkara-perkara dalam perjanjian tersebut. AMMDM dan COP *to the* AADMER perlu bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun.

NADMA juga meneruskan penyertaan aktif dalam pelbagai inisiatif di bawah ASEAN *Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management* (AHA *Centre*) seperti:

- Latihan ASEAN *Regional Disaster Emergency Response Simulation Exercise* (ARDEX) untuk menguji keberkesanan koordinasi antara negara anggota semasa bencana besar;

- Penyertaan dalam ASEAN *Emergency Response and Assessment Team* (ASEAN-ERAT) yang memperkukuh kemahiran penilaian awal bencana di lapangan; dan

- Sesi perkongsian pengetahuan berkaitan pengurangan risiko bencana, pemanfaatan teknologi dan strategi komunikasi semasa krisis.

NADMA turut mengukuhkan hubungan dengan agensi di bawah PBB termasuk *United Nations Office for Disaster Risk Reduction* (UNDRR) dan *United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs* (UNOCHA). Kolaborasi ini memberi akses kepada amalan terbaik global, platform pembelajaran dan pembangunan kapasiti sejajar dengan kerangka SFDRR 2015–2030.

Penglibatan ini bukan sahaja meningkatkan profil Malaysia di arena global, tetapi juga membawa pulang manfaat langsung kepada ekosistem pengurusan bencana negara. Antara impak yang dicapai termasuk peningkatan keupayaan teknikal anggota, pengukuhan rangkaian kerjasama, penyelarasan standard operasi dengan piawaian antarabangsa serta peningkatan imej Malaysia sebagai rakan strategik yang boleh diandalkan dalam misi kemanusiaan dan tindak balas bencana.

Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN)

Bagi kejadian bencana semasa MTL, terdapat dua (2) jenis bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui peruntukan yang disalurkan oleh NADMA menggunakan KWABBN kepada semua negeri iaitu Bantuan Wang Ihsan (BWI) dan Bantuan Wang Ihsan Kematian (BWI Kematian).

Bagi tahun 2024, sebanyak RM24,570,000 peruntukan KWABBN telah dibelanjakan bagi pengagihan bantuan kepada mangsa terjejas bencana. Jumlah tersebut jauh berkurang berbanding tahun 2023 iaitu sebanyak RM169,518,686.



Berikut adalah pecahan jumlah bantuan bencana yang diagihkan kepada KIR mangsa bencana mengikut negeri daripada tahun 2022 sehingga 2024:

BIL.	NEGERI	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)
1	Terengganu	16,624,000.00	40,197,000.00	9,227,000.00
2	Kelantan	33,150,000.00	73,092,000.00	6,477,000.00
3	Johor	3,324,000.00	34,875,000.00	2,675,000.00
4	Pahang	54,000,000.00	5,789,000.00	2,287,000.00
5	Kedah	5,281,500.00	1,024,000.00	1,529,000.00
6	Sarawak	8,906,500.00	4,910,000.00	602,000.00
7	Perak	2,260,000.00	2,164,000.00	593,000.00
8	Sabah	2,399,000.00	3,781,000.00	433,000.00
9	Negeri Sembilan	6,061,000.00	389,000.00	370,000.00
10	Pulau Pinang	2,500.00	0	257,000.00
11	Perlis	0	28,000.00	59,000.00
12	Selangor	130,063,000.00	1,977,686.00	51,000.00
13	Melaka	6,500,000.00	1,292,000.00	10,000.00
14	W.P. Kuala Lumpur	2,142,000.00	0	0
15	W.P. Labuan	0	0	0
16	W.P. Putrajaya	0	0	0
	JUMLAH BWI	**270,713,500.00**	**169,518,686.00**	**24,570,000.00**

Majlis Apresiasi Petugas Barisan Hadapan MTL 2023/2024

Buat julung kalinya, NADMA telah mengadakan satu Majlis Apresiasi bagi meraikan 400 petugas barisan hadapan yang telah bertungkus lumus semasa menguruskan bencana ketika MTL 2023/2024.

Program ini diadakan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan daripada pihak kerajaan kepada pihak kerajaan negeri, agensi tindak balas, agensi teknikal, syarikat telekomunikasi, NGO dan pihak media massa yang memberikan sumbangan dan kerjasama sepanjang MTL 2023/2024. Kesemua pihak telah menunjukkan komitmen yang amat tinggi terhadap tugas di bidang masing-masing. Kerjasama strategik ini membolehkan pengendalian sistem pengurusan bencana di Malaysia berjalan dengan lancar, cekap dan berkesan.



NADMA
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT


NADMA
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT


Majlis Apresiasi
NADMA
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



PERANCANGAN MASA HADAPAN NADMA (*WAY FORWARD*)



Hutan Batang Kali, Hulu Selangor

PERANCANGAN MASA HADAPAN NADMA (*WAY FORWARD*)

Dalam menghadapi landskap risiko bencana yang kian kompleks dengan kesan perubahan iklim, kerentanan kawasan-kawasan berisiko tinggi serta ketidaktentuan serantau, NADMA kekal teguh sebagai agensi peneraju dalam memperkukuh sistem pengurusan bencana negara.

Dengan berkuat kuasa penggunaan Arahan NADMA No. 1 Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana serta Dasar Pengurangan Risiko Bencana 2030, NADMA kini melangkah ke arah pendekatan menyeluruh yang lebih terangkum dengan berteraskan tindakan awal, koordinasi yang tangkas serta pemerkasaan kerjasama antara sektor kerajaan, masyarakat sivil dan rakan antarabangsa.

Bagi tahun 2025, NADMA telah menggariskan hala tuju strategik yang berteraskan pembaharuan institusi, inovasi operasi dan tadbir urus risiko bencana yang inklusif. Laluan yang mendatang mungkin mencabar, namun dengan iltizam yang jelas, kerjasama merentas sektor serta kepercayaan rakyat, NADMA bersedia untuk mengemudi pengurusan risiko bencana negara ke tahap yang lebih tinggi.

Arahan NADMA No. 2

Sebagai langkah ke hadapan, Arahan MKN No. 19 yang menjadi asas penubuhan dan pengurusan Pasukan SMART sedang melalui proses semakan semula secara menyeluruh untuk dimuktamadkan kepada Arahan NADMA No. 2. Jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menilai semula kandungan semasa arahan ini supaya lebih menepati keperluan dan perubahan semasa landskap pengurusan bencana supaya seiring dengan kemajuan teknologi dan keperluan operasi terkini. Dalam hal ini, agensi seperti PDRM, JBPM, ATM serta badan bukan kerajaan juga turut dilibatkan bagi memastikan arahan yang akan dirangka tersebut bersifat inklusif dan menyeluruh.

Selain itu, struktur organisasi dan peranan Pasukan SMART juga perlu diperkukuhkan. Sebagai pasukan penyelamat elit negara dalam misi mencari dan menyelamat, Pasukan SMART perlu mandat yang lebih besar termasuk penglibatan dalam operasi di luar negara, misi bantuan kemanusiaan dan pengurusan insiden melibatkan CBRNe (*Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and explosives*).

Oleh itu, lebih banyak latihan teknikal dan taktikal perlu dirancang dan dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan anggota Pasukan SMART. Justeru, elemen latihan bersepadu di bawah Arahan NADMA No. 2 perlu diberi perhatian serius termasuk memastikan perolehan peralatan *Search and Rescue* (SAR) canggih dan sesuai dengan teknologi semasa agar kesiapsiagaan pasukan berada pada tahap tertinggi.

Dari aspek pembangunan sumber manusia pula, program pengiktirafan profesional kepada anggota Pasukan SMART seperti pensijilan antarabangsa dan laluan kerjaya khusus perlu diperkenalkan termasuklah penyediaan insentif bagi menarik serta mengekalkan pegawai dan anggota yang berkemahiran tinggi. Pada masa yang sama, kerjasama antara agensi penyelamat juga wajar dieratkan menerusi mekanisme penyelarasan tetap seperti Mesyuarat *Committee on International Engagement* (CIE). Di samping itu, hubungan strategik dengan rakan antarabangsa termasuk ASEAN-*Emergency Response and Assessment Team* (ASEAN-ERAT), *United Nations Disaster Assessment and Coordination System* (UNDAC) dan *International Search and Rescue Advisory Group* (INSARAG) juga perlu diperkukuh.

Seterusnya, satu mekanisme pemantauan dan penilaian berkala perlu diwujudkan bagi menilai tahap keberkesanan pelaksanaan Arahan NADMA No. 2 ini. Laporan berkala kepada Ketua Pengarah NADMA oleh Juruaudit boleh dijadikan asas untuk penambahbaikan berterusan. Kajian terhadap keperluan perundangan seperti penggubalan atau pindaan akta khusus berkaitan Pasukan SMART juga dicadangkan untuk dilaksanakan bagi meningkatkan kedudukan pasukan ini di peringkat nasional dan antarabangsa. Kesemua langkah ini penting bagi memastikan Pasukan SMART kekal relevan, berdaya saing dan sentiasa bersedia dalam menghadapi cabaran bencana masa kini yang semakin kompleks.

Penambahan Aset Logistik Bencana Negara

Bagi memperkukuh keupayaan logistik negara, pada tahun 2025, NADMA akan membuat perolehan tambahan sebanyak dua (2) set *Bailey Bridge* untuk ditempatkan di lokasi yang dikenal pasti mempunyai keperluan mendesak. Selain itu, perolehan ini juga dibuat berdasarkan kejayaan penggunaan *Bailey Bridge* dalam kejadian bencana sebelum ini, di mana ia terbukti berkesan dalam membolehkan akses segera ke kawasan yang terjejas. Dengan keupayaannya untuk dipasang dalam tempoh yang singkat dan tahap fleksibiliti yang tinggi, jambatan ini boleh menjadi aset pemulihan segera terhadap rangkaian perhubungan yang kritikal.

Latihan Pemasangan dan Penyimpanan *Bailey Bridge*

NADMA juga merancang untuk mengadakan latihan pemasangan dan penyimpanan *Bailey Bridge* selama tujuh (7) hari, bermula 13 hingga 19 Januari 2025 bertempat di Pusat Penyimpanan Komponen *Bailey Bridge*, JKR Putatan, Sabah. Latihan ini akan melibatkan seramai 76 orang peserta daripada JKR Sabah dan JKR Sarawak bagi memberi kefahaman teknikal berkaitan pemasangan dan penyimpanan *Bailey Bridge*.

Latihan ini dapat memberi penjelasan terperinci mengenai prosedur serta teknik yang betul dalam pemasangan, pembongkaran dan penyimpanan *Bailey Bridge* kepada anggota yang terlibat. Selain itu, ia juga memastikan setiap peserta memiliki pemahaman mendalam serta kemahiran teknikal yang diperlukan bagi

melaksanakan tugas pemasangan di lapangan. Melalui latihan ini, setiap anggota diharapkan dapat menjalankan pemasangan dengan tepat mengikut piawaian keselamatan, seterusnya mengurangkan kemungkinan kesilapan yang boleh menjejaskan kualiti serta keselamatan jambatan.










NADMA


NADMA





Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB)

Sehingga kini, sebanyak 15 projek pembinaan baharu PPKB sedang dalam perancangan atau pelaksanaan; tiga (3) projek naik taraf PPS kepada PPKB di mana dua (2) daripadanya telah siap dan satu (1) lagi masih dalam pembinaan.

Bagi cadangan pembinaan PPKB di Sabah pada tahun 2025, NADMA akan mengadakan satu sesi lawatan tapak dan membuat pembentangan cadangan pembinaan PPKB SK Mandalom Lama, Tenom, Sabah. Kemudahan yang dicadangkan ini adalah penting kerana ia bakal menjadi PPKB kedua di Sabah. Sebelum ini sebuah PPKB yang dibina di Pejabat Daerah Pitas telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan di kawasan yang terdedah kepada bencana. Timbalan Ketua Pengarah Pasca Bencana NADMA akan mengadakan lawatan ke PPKB SK Mandalom Lama untuk membuat pemantauan kesesuaian projek tersebut yang turut akan melibatkan pihak berkepentingan utama termasuk Pegawai Daerah, PDRM, JKM, APM, JBPM dan wakil Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penglibatan pelbagai agensi ini mempunyai kepentingan strategik dengan usaha yang diselaraskan di sebalik pembangunan infrastruktur ini. Pembangunan PPKB dicadangkan bagi mengelakkan pergantungan kepada pusat perlindungan sementara (*ad-hoc*) kepada pelaburan dalam pembinaan infrastruktur khusus dan kekal untuk mangsa bencana. Inisiatif ini dijangka meningkatkan keselamatan, keselesaan dan kesejahteraan keseluruhan mangsa bencana dengan ketara dengan menyediakan kemudahan yang dibina khas, sambil pada masa yang sama mengintegrasikan kesiapsiagaan bencana ke dalam kehidupan komuniti harian dan perancangan infrastruktur yang lebih luas.

Penyediaan Dokumen Mekanisme Inspektorat Pengurusan Operasi Bencana

Bagi memastikan kesinambungan serta pelaksanaan pengurusan bencana di pelbagai peringkat dilaksanakan dan dipatuhi sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana, NADMA sedang menyediakan dokumen Mekanisme Inspektorat Pengurusan Operasi Bencana. Dokumen ini akan dijadikan sebagai rujukan utama bagi pelaksanaan inspektorat pengurusan operasi bencana di fasa sebelum, semasa dan selepas kejadian di peringkat daerah dan negeri. Dokumen ini dijangka dimuktamadkan pada tahun 2025 di bawah seliaan Seksyen Pelaksanaan Operasi, Bahagian Pelaksanaan Operasi NADMA. Tindakan ini termaktub dalam Pelan Strategik NADMA Malaysia 2024–2028. Pelaksanaan inspektorat secara menyeluruh disasarkan akan dilaksanakan menjelang tahun 2029.

Kandungan dokumen ini memberi tumpuan kepada tiga (3) bidang utama iaitu kesiapsiagaan operasi, pengurusan operasi serta pemulihan pasca bencana. Bagi kesiapsiagaan operasi, antara elemen yang diberi perhatian ialah penyediaan pelan tindakan atau Pelan Tindak Balas Kecemasan (ERP) setempat yang disediakan oleh JPBD berasaskan lapan (8) komponen yang disarankan oleh NADMA. Pelan ini perlu diwujudkan di setiap lokasi bencana utama dan kawasan berisiko yang diuji atau didedahkan kepada komuniti setempat. Profil lokaliti juga perlu dikemas kini dengan maklumat seperti data kependudukan mengikut demografi, pecahan penduduk mengikut mukim atau DUN, senarai kemudahan awam, lokasi berisiko tanah runtuh, kawasan berpotensi air pasang besar dan lokasi berisiko kepala air. Peta kawasan bencana dan kawasan berisiko perlu dikemas kini secara berkala melalui platform seperti DGIM serta peta agensi teknikal lain termasuk jadual pasang surut air laut. Kapasiti PKOB dan PKTK diperkukuh melalui latihan berkala pemantapan peranan pengurus bencana di semua peringkat serta penilaian keupayaan sumber manusia, logistik, jentera dan depot simpanan. Usaha libat urus bersama komuniti seperti latihan CBDRM, ceramah kesedaran bencana dan program oleh pelbagai pihak turut menjadi keutamaan.

Aspek pengurusan operasi pula meliputi penilaian terhadap keberkesanan Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat Kebangsaan serta pemantapan kepimpinan pengurus bencana. Khususnya Pengerusi PKOB, Komander Operasi Bencana di PKTK, pengukuhan kompetensi sekretariat PKOB dan PKTK serta koordinasi antara agensi kerajaan, badan berkanun, sektor swasta/korporat dan NGO.

Bagi pemulihan pasca bencana, penilaian akan dibuat terhadap pelaksanaan program pemulihan komuniti khususnya pembangunan kapasiti ketua masyarakat, usaha penyelidikan bagi penambahbaikan, penilaian kemusnahan dan pentaksiran kerugian, keberkesanan pangkalan hadapan dan pusat pemindahan sementara, pemberian bantuan pemulihan atau pembangunan semula serta pelaksanaan *post-mortem* bagi memperbaiki sistem dan strategi sedia ada.

Setiap penilaian inspektorat akan diikuti dengan penarafan bintang atau bentuk pengiktirafan rasmi yang diperakui Jemaah Menteri bagi mengiktiraf prestasi pengurusan bencana di peringkat negeri dan daerah. Pengiktirafan ini dijangka menjadi pemangkin kepada konsistensi prestasi selain menggalakkan perancangan strategi dan inisiatif baharu yang lebih sistematik dan bersepadu.

Bagi memastikan kandungan dokumen ini menyeluruh, bengkel pertama telah diadakan pada 3 hingga 6 September 2024 yang melibatkan ahli akademik, wakil bahagian dan seksyen NADMA serta agensi kerajaan yang menjadi pemegang taruh utama pengurusan bencana. Bengkel ini telah mengenal pasti tujuh (7) komponen penilaian utama iaitu pengurusan penilaian utama iaitu pengurusan kewangan, pengurusan sumber tenaga manusia, logistik, bekalan, komunikasi, fasiliti dan infrastruktur serta pengurusan maklumat.

Penyediaan dokumen mekanisme ini adalah proses berterusan sehingga tahun 2028 dan memerlukan kerjasama erat semua pemegang taruh berkaitan. Pendekatan yang digunakan akan selari dengan dasar, strategi dan peraturan semasa negara sekaligus mengambil kira piawaian atau standard inspektorat antarabangsa.










BENGKEL PEMBANGUNAN DAN
PENYEDIAAN DOKUMEN
MEKANISME INSPEKTORAT PENGURUSAN
OPERASI


BENGKEL PEMBANGUNAN DAN
PENYEDIAAN DOKUMEN
MEKANISME INSPEKTORAT PENGURUSAN
OPERASI




Empowering
Malaysia's
Disaster Resilience
through an Integrated
Inspectorate
EAP

Persediaan INSARAG *External Reclassification* (IER) 2026 Pasukan SMART

Pasukan SMART berfungsi sebagai Pasukan Mencari dan Menyelamat Bandar (USAR) Elit Malaysia, memainkan peranan yang besar dalam pelbagai operasi bencana di dalam dan luar negara.

Sejak memperoleh pengiktirafan sebagai pasukan *Heavy Urban Search and Rescue* (USAR) pada tahun 2016, Pasukan SMART telah memantapkan reputasinya sebagai pasukan penyelamat ke-2 terbaik di peringkat ASEAN, ke-8 di peringkat Asia Pasifik dan ke-46 di peringkat dunia yang diiktiraf secara rasmi di peringkat antarabangsa. INSARAG yang berada di bawah naungan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merupakan rangkaian global merangkumi lebih 90 buah negara dan organisasi yang berperanan menangani isu berkaitan USAR. Sehingga tahun 2024, hanya 48 buah negara memiliki pasukan diiktiraf INSARAG dan Malaysia melalui Pasukan SMART telah membuktikan kemampuan untuk beroperasi setaraf dengan pasukan elit dunia.

Pasukan ini mempunyai kelengkapan logistik dan kenderaan, peralatan menyelamat, pasukan perubatan dan anjing pengesan, berupaya diaturgerak ke mana-mana negara yang dilanda bencana dalam tempoh kurang 48 jam serta mampu beroperasi dengan keupayaan kendiri dalam situasi rencam bencana selama 10 hari.

Pasukan SMART kini berada dalam fasa persiapan rapi bagi menghadapi proses pengiktirafan semula IER yang dijadualkan berlangsung pada 21 hingga 25 September 2026.

Persiapan menuju IER 2026 telah dirangka dalam tempoh 24 bulan bermula Oktober 2024 hingga September 2026. Fasa pertama melibatkan Pra IER I yang akan dilaksanakan pada 4 hingga 11 Mei 2025, diikuti Pra IER II pada 18 hingga 24 Ogos 2025. Fasa ketiga, Pra IER III pula dijadualkan pada Mac 2026 yang akan disertai lawatan mentor dan penyerahan *Certificate of Proof of Eligibility* (C-POE) kepada Sekretariat INSARAG. Momentum utama persediaan akan berlaku pada Jun 2026 melalui sesi '*Go/No Go*' EXCON AUS02 serta libat urus bersama mentor Australia-Pasukan AUS02 bagi memastikan tahap kesiapsiagaan berada pada tahap optimum sebelum penilaian sebenar.

Berdasarkan analisis semasa terhadap 172 kategori senarai semak IER, Pasukan SMART telah mencapai pencapaian cemerlang dengan 168 kategori berada pada status hijau (melebihi piawaian minimum) manakala selebihnya memerlukan penambahbaikan. Sistem penilaian ini menggunakan kod warna hijau bagi kategori yang melebihi piawaian minimum, kuning bagi kategori yang memerlukan penambahbaikan dan merah bagi kategori yang tidak memenuhi piawaian minimum.

Bagi menangani isu berkaitan anjing pengesan K-9, secara dasarnya, NADMA bersetuju untuk melaksana perolehan sebanyak empat (4) ekor anjing K-9 dengan kerjasama JBPM. Langkah ini diambil bagi menyelesaikan isu kategori kuning dalam senarai semak IER.

Sekretariat INSARAG juga telah melantik Pasukan AUS02 sebagai mentor Malaysia yang diketuai Mr. David Lewis dan Mr. Tim Hassiotis daripada *Fire and Rescue New South Wales* (FRNSW). NADMA akan menghadiri mesyuarat pada 4 Februari 2025 untuk membentangkan Pra IER I - *Self Assessment Checklist* dan nota pentadbiran bagi persiapan lawatan mentor.

Lawatan Pra IER I akan berlangsung selama enam (6) hari, bermula dengan perjumpaan bersama Ketua Pengarah NADMA di Putrajaya, diikuti sesi taklimat EXCON, pemeriksaan dokumen dan logistik serta pemeriksaan lokasi di Markas SMART. Komponen utama lawatan ini adalah simulasi selama 36 jam di Markas SMART yang merangkumi proses aktivasi selama enam (6) jam, operasi USAR selama 30 jam dan demobilisasi dengan maklum balas komprehensif yang diberikan oleh mentor.

Di bawah program peningkatan modal insan antarabangsa, empat (4) program latihan pengukuhan komponen USAR dirancang secara dua hala bersama Amerika Syarikat, Turkiye, Persekutuan Rusia dan Australia pada tahun 2025. Latihan ini dirangka sama ada di bawah perjanjian kerjasama pengurusan bencana atau hubungan bilateral sedia ada. Inisiatif ini memenuhi keperluan komponen enam (6) latihan di mana para 6.1 INSARAG yang menekankan penglibatan dalam latihan USAR antarabangsa dan komponen dua (2) pembuatan keputusan manakala para 2.3 berkaitan sokongan Pasukan *Home Based Support* ketika operasi.

Selain menyertai latihan serantau seperti ASEAN *Regional Emergency Response Exercise* (ARDEX) dan *Asia Pacific Earthquake Response Exercise* (APERE), latihan dua hala ini dipilih berdasarkan variasi kepakaran, kepelbagaian cuaca, jenis risiko bencana dan penglibatan aktif negara-negara ini dalam komuniti INSARAG.

Perbelanjaan dijangka memuncak pada Mei 2025 semasa pelaksanaan Pra IER satu (1) dan berterusan sehingga September 2026 ketika IER sebenar.

Kerjasama strategik turut diperkukuh dengan *The Ministry of Civil Defence, Emergencies and Disaster Relief of the Russian Federation* (EMERCOM). Perjanjian kerjasama Malaysia-Rusia dalam pengurusan bencana sedang dimuktamadkan termasuk latihan bersama antara Pasukan SMART dan EMERCOM RUS-03 *Far Eastern Regional Search and Rescue* akan diadakan pada 15 hingga 20 Jun 2025. Kedua-dua pihak bersetuju memperkukuh kerjasama dalam latihan bersama, perkongsian teknologi *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) bukan ketenteraan dan penyertaan aktif dalam platform serantau seperti ACDM dan INSARAG.


NADMA
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT


NADMA
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT


MALAYSIA
COMMAND POST
MAS - 01








NADMA
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT


NADMA
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pembinaan Pusat Simulasi Bencana

Sejak tahun 2016, Markas SMART telah mempunyai tapak latihan simulasi bencana di darat bagi memenuhi keperluan latihan operasi Pasukan SMART. Namun, bagi meningkatkan keberkesanan latihan dengan fasiliti yang lebih lengkap dan moden, sebuah pusat Latihan Simulasi Bencana baharu telah dibina dan dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama 2025. Pusat baharu ini menawarkan kemudahan latihan penyelamatan secara fizikal dan maya (*Virtual Reality,* VR) selaras dengan standard latihan penyelamatan antarabangsa. Ia bertujuan memperkukuh keupayaan Pasukan SMART serta mengoptimumkan penggunaan fasiliti latihan simulasi untuk kegunaan pelbagai agensi penyelamat berkaitan yang lain.


Fasiliti ini bukan sahaja menyediakan persekitaran latihan berskala penuh untuk meningkatkan kemahiran teknikal, malah berperanan menyeragamkan prosedur atur gerak kerja penyelamatan di peringkat nasional dan antarabangsa. Dengan penggunaan peralatan dan teknologi terkini, pusat ini juga membuka peluang perkongsian penggunaan *state-of-the-art simulator* kepada agensi penyelamat yang lain sekaligus meningkatkan pendedahan mereka terhadap kaedah penyelamatan moden.

Selain itu, pusat latihan simulasi bencana ini berpotensi menjadi lokasi tumpuan untuk latihan bersama pasukan penyelamat dari dalam dan luar negara. Pengurusan latihan akan dilaksanakan oleh Pusat Kecemerlangan Pengurusan Bencana Negara (MyCEDM) di Markas SMART. Penglibatan pasukan penyelamat antarabangsa akan membolehkan perkongsian pertukaran kepakaran dan amalan terbaik, di samping meningkatkan daya kerja pasukan penyelamat nasional melalui latihan bersepadu.

Bagi melengkapkan kemudahan sedia ada di MyCEDM, NADMA telah mengemukakan Kertas Cadangan Kolam Latihan Simulasi Penyelamatan di air untuk kelulusan Kementerian Ekonomi agar dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). Kolam ini akan menjadi pelengkap penting kepada komponen latihan darat dan menjadikan MyCEDM sebagai pusat latihan bencana yang menyeluruh dan bersepadu bagi semua bentuk operasi penyelamatan.


Majlis Penyerahan
PROJEK PEMBINAAN TAPAK SIMULASI BENCANA BAGI PASUKAN MENCARI DAN
NYELAMAT KHAS MALAYSIA (SMART) DI MARKAS SMART, PULAU MERANTI, SELANGOR






SMART
INSARAG EXTERNAL RECLASSIFICATION 2026


SMART
INSARAG EXTERNAL RECLASSIFICATION 2026



MENELUSURI NADMA



Pulau Bohey Dulang, Sabah

MENELUSURI NADMA 2024

MAJLIS UTAMA

Tahun 2024 menyaksikan pelbagai majlis utama yang menjadi tonggak kepada hala tuju dan pengukuhan peranan NADMA. Bermula dengan Majlis Amanat Tahun Baharu YAB Timbalan Perdana Menteri bersama warga NADMA, agensi ini terus memperkukuh semangat kerja dan komitmen warga dalam mendepani cabaran pengurusan bencana. Pelaksanaan Mesyuarat JPBP serta pelancaran dokumen dasar dan garis panduan baharu seperti CBDRM dan Arahan NADMA No. 1 menandakan langkah penting ke arah memperkasa kerangka pengurusan risiko dan kesiapsiagaan negara.

NADMA juga meraikan sumbangan petugas barisan hadapan melalui Majlis Apresiasi Monsun Timur Laut 2023/2024 selain memperkukuh kapasiti logistik dengan penyerahan *Bailey Bridge* yang menjadi aset strategik dalam misi bantuan. Sambutan Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2024 pula memberi peluang meningkatkan kesedaran awam seiring dengan pelancaran Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 yang menetapkan visi jangka panjang negara.

Lawatan kerja Ketua Setiausaha Negara (KSN) ke Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) serta pelaksanaan Majlis Pelepasan Kit Makanan MTL 2024/2025 menutup kalendar acara besar NADMA dengan simbolik kesiapsiagaan menghadapi monsun, sekali gus menggariskan komitmen berterusan agensi dalam memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

19 Januari 2024 - Majlis Amanat Tahun 2024 YAB Timbalan Perdana Menteri Bersama Warga NADMA Di Pulau Meranti, Puchong





7 Mei 2024 - Majlis Apresiasi Petugas Barisan Hadapan Yang Terlibat Dengan Pengurusan Bencana Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 Di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur





14 Mei 2024 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) Bilangan 1 Tahun 2024 Dan Pelancaran Buku Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) Di Malaysia Di Perdana Putra, Putrajaya





27 Jun 2024 - Majlis Penyempurnaan Ujian Penerimaan Akhir Dan Penyerahan *Bailey Bridg*e Di Depot Tindak Balas Kemanusiaan Negara (DTBKN), Sungai Buloh





18 September 2024 - Tinjauan Sistem Amaran Awal Dan Empangan Sabo Di Titi Hayun, Yan, Kedah





3 Oktober 2024 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) Bilangan 2 Tahun 2024 Dan Pelancaran Buku Arahan NADMA No.1: Dasar Dan Mekanisme Pengurusan Bencana Di Kota Tinggi, Johor





3 Oktober 2024 - Sambutan Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2024 Dan Pelancaran Buku Dasar Pengurangan Risiko Bencana (DRR) Negara 2030 Di Kota Tinggi, Johor





8 November 2024 - Sesi Libat Urus Bersama Media - Persiapan Kerajaan Menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025 Di Pulau Meranti, Puchong





25 November 2024 - Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Negara (KSN) Ke Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) Dan Sesi Perjumpaan Bersama Warga NADMA Di Pulau Meranti, Puchong





26 November 2024 - Majlis Pelepasan Pengedaran Kit Makanan Sempena Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025 Di FAMA, Tanjung Karang





PENGLIBATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2024, NADMA terus memainkan peranan aktif dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa melalui penyertaan dalam pelbagai mesyuarat dan platform serantau.

Penglibatan ini memberi peluang untuk bertukar pandangan, menyelaras dasar serta memperkukuh jaringan dengan rakan-rakan strategik di peringkat global khususnya dalam bidang pengurusan bencana.

Inisiatif ini bukan sahaja menzahirkan komitmen Malaysia terhadap agenda keselamatan dan kemanusiaan serantau, malah memperkukuh kedudukan NADMA sebagai agensi utama yang berperanan menjalin hubungan dua hala dan pelbagai hala selaras dengan matlamat untuk memperkukuh kesiapsiagaan dan ketahanan negara dalam menghadapi bencana.

19 Hingga 20 Februari 2024 - *Capacity Building On Protection, Gender And Inclusion* Di Luang Prabang, Lao PDR



22 Februari 2024 - *Validation Workshop Of The New Disaster Scenario* Di Luang Prabang, Lao PDR



23 Februari 2024 - ASEAN *Off The Shelf Exercise* (OTSE) *On Chemical Event* Di Hotel Parkroyal Collection, Kuala Lumpur




25 Februari Hingga 6 Mac 2024 - 15th ASEAN *Emergency Response & Assessment Team* (ASEAN-ERAT) *Induction Course* Di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam



15 Mac 2024 - *First Project Steering Committee Meeting For The* AHA Centre *Executive Leadership In Emergency And Disaster Management Programme* (ACE LEDMP) 2023-2025 Di Surabaya, Indonesia





18 Hingga 24 Mac 2024 - *Disaster Risk Management* ASEAN *Leadership Programme In 2024* Di Gongju, Korea Selatan





2 April 2024 - *1st* NADMA-UNCT *(United Nations Country Team) Coordination Meeting*





7 Mei 2024 - Mesyuarat Ke-44 ASEAN *Committee On Disaster Management* (ACDM) Di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam





8 Hingga 9 Mei 2024 - Mesyuarat INSARAG *Steering Group* (ISG) 2024 Di Geneva, Switzerland






21 Hingga 22 Mei 2024 - *Kick Start Workshop For Promoting Technical Exchange Of AI Applications In Tropical Cyclone Analysis And Forecasting In Typhoon Committee* Di Hong Kong, China





27 Hingga 29 Mei 2024 - *Inter-Regional Dialogue 2024: CJK Education And Training Institutes Workshop* Di Incheon, Korea





31 Mei 2024 - Mesyuarat Dua Hala Kali Pertama Antara NADMA Dan *Ministry Of The Russian Federation For Civil Defence, Emergencies And Elimination Of Consequences Of Natural Disasters* (EMERCOM *Of Russia*) Di Moscow, Rusia





6 Jun 2024 - Mesyuarat *Disaster Management Working Group* (DMWG) Ke–29 Di Hotel Bayview, Pulau Pinang






24 Jun 2024 - Mesyuarat *Pre Exercise Disaster Management Working Group* (DMWG) Songkhla/Kedah Bersama Petronas TTM(T) Ltd




25 Jun 2024 - Kunjungan Hormat MJC *Disaster Management Working Group* (DMWG) Ke TJC DMWG Di Pejabat *Disaster Prevention And Mitigation* (DPMR), Region 12




26 Jun 2024 - Kunjungan Hormat MJC *Disaster Management Working Group* (DMWG) Ke Atas Chief Of Thailand-Malaysia *Border Coordination Office* (TMBCO) Di Kem Senanarong, Thailand




27 Jun 2024 - Latih Amal Pengurusan Bencana Songkhla/Kedah Di Sadao, Thailand





2 Hingga 5 Julai 2024 - Mesyuarat Dua Hala Kali Ke-3 Antara Kerajaan Malaysia Dengan Kerajaan Brunei Darussalam Di Pulau Pinang





16 Julai 2024 - *Consultation Meeting With ASCC Department Of The* ASEAN *Secretariat On Preparations For Malaysia's 2025* ASEAN *Chairmanship* Di Le Meridien, Putrajaya





30 Julai Hingga 1 Ogos 2025 - *Final Planning Conference* (FPC) *Joint Combined Exercise* Thailand–Malaysia Siri Ke–4 Tahun 2024 (JCEX THAMAL 4/2024) Di Hotel Kantary 304, Thailand





6 Hingga 8 Ogos 2024 - ASEAN *Disaster Management Training Institute Network Workshop* Di Bogor, Indonesia



23 Ogos 2024 - *9th* ASEAN *Strategic Policy Dialogue On Disaster Management* (SPDDM) Di Marriot Tang Plaza Hotel, Singapore



27 Hingga 28 Ogos 2024 - ASEAN *Disaster Recovery Consultation And Scoping Study Workshop* Di Kota Kinabalu, Sabah





28 Hingga 29 Ogos 2024 - *8th Meeting Of The* ASEAN *Committee On Disaster Management Working Group On Preparedness, Response And Recovery* (ACDM WG *On* PRR) Di Kota Kinabalu, Sabah





29 Ogos 2024 - *19th Meeting Of The* ASEAN *Technical Working Group On Civil-Military Coordination* (TWG *On* CIMIC) Di Kota Kinabalu, Sabah





29 Ogos 2024 - *3rd Project Steering Committee Meeting* (PSC) *For The Disaster Emergency Logistics For* ASEAN (DELSA) *Phase IV Project* Di Kota Kinabalu, Sabah





5 September 2024 - *2nd Project Steering Committee Of The* AHA Centre *Executive Leadership In Emergency And Disaster Management For* ASEAN *Programme* (PSC ACE-LEDMP) *2023-2025* Dan *8th Meeting Of ACDM Working Group On Global Leadership* (WG GL) Di Da Lat, Vietnam





6 September 2024 - *1st Meeting Of* ICT *Advisory Group On Disaster Management* Di Jakarta, Indonesia



10 Hingga 12 September 2024 - Mesyuarat *Disaster Management Working Group* (DMWG) Thailand - Malaysia Kali Ke-30 Di Hatyai, Thailand





17 Hingga 19 September 2024 - *First Exercise Planning Team* (*1st* EPT) *Meeting,* ASEAN *Regional Disaster Emergency Response Simulation Exercise* (ARDEX) 25 Di Phnom Penh, Cambodia





9 Oktober 2024 - Program ASEAN *Protection, Resilience And Inclusion For Multi-Hazard Emergencies* (ASEAN-PRIME) Di Bogor, Indonesia





13 Hingga 19 Oktober 2024 - Penyertaan Ke Persidangan Peringkat Menteri Asia-Pasifik Bagi Pengurangan Risiko Bencana Di Manila, Filipina






21 Hingga 22 Oktober 2024 - Mesyuarat Ke-45 ASEAN *Committee On Disaster Management* (ACDM), Mesyuarat Ke-21 *Governing Board Of* AHA *Centre*, Mesyuarat Ke-6 ASEAN *Disaster Resilience Platform* (ADRP) Dan Perjumpaan Dua Hala Bersama Ketua Delegasi Jepun Dan Ketua Delegasi Republik Korea Di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam





23 Oktober 2024 - Mesyuarat Ke-8 ASEAN *Committee On Disaster Management Plus China* (ACDM Plus China), Mesyuarat Ke-8 ASEAN *Committee On Disaster Management Plus Japan* (ACDM Plus Japan) Dan Mesyuarat Ke-7 ASEAN *Committee On Disaster Management Plus Republic Of Korea* (ACDM Plus ROK) Di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam





22 Hingga 24 Oktober 2024 - *European* CBRN *Centre Of Excellence Project 98 Regional Kickoff Conference: Strengthening* CBRN *Medical Emergency Preparedness And Response In Southeast Asia*, Kuala Lumpur





24 Oktober 2024 - Mesyuarat Ke-12 ASEAN *Ministerial Meeting On Disaster Management* (AMMDM), Mesyuarat Ke-13 *Conference Of The Parties To The* ASEAN *Agreement On Disaster Management And Emergency Response* (*Cop To The* AADMER), Mesyuarat Ke-4 ASEAN *Ministerial Meeting On Disaster Management Plus China* (AMMDM Plus China), Mesyuarat Ke-4 ASEAN *Ministerial Meeting On Disaster Management Plus Japan* (AMMDM Plus Japan) Dan Mesyuarat Ke-3 ASEAN *Ministerial Meeting On Disaster Management Plus Republic Of Korea* (AMMDM Plus ROK) Di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam





25 Oktober 2024 - Penyertaan Ke ASEAN *Commemoration Of The 20th Year Of The Indian Ocean Tsunami, Commemoration Of* ASEAN *Day For Disaster Management* (ADDM) *2024, International Day Of Disaster Risk Reduction* 2024 Dan *Tree Planting By All Ministers And Head Of Delegates From* ASEAN *Member States, Timor Leste, Secretary-General Of* ASEAN, *China, Japan, Republic Of Korea, Delegates From* ASEAN *Member States And Representatives From European Union,* ASEAN *Secretariat And* AHA *Centre* Di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam





28 Hingga 31 Oktober 2024 - *34th International Conference Of The Red Cross And Red Crescent* (ICRCRC) Di Geneva, Switzerland





5 November 2024 - Majlis Sambutan Peringatan Peristiwa Tahun Ke-20 Bencana Tsunami Lautan Hindi Peringkat ASEAN Di George Town, Pulau Pinang





5 Hingga 14 November 2024 - *14th Disaster Risk Management Capacity Building Program For Ams* (D-CAB) - *Leadership Programme* Di Korea Selatan





25 Hingga 30 November 2024 - *15th Disaster Risk Management Capacity Building Program for Ams* (D-CAB) - *Leadership Programme* Di Korea Selatan





26 Hingga 28 November 2024 - *Civil-Military Coordination Workshop Enhancement Of Coordination Mechanisms For Humanitarian Assistance And Disaster Relief* (HADR) *Operations* Di Jakarta, Indonesia





10 Hingga 12 Disember 2024 - *A Next Generation Pandemic PPE Enterprise For Asia* Di Intercontinental Hotel, Singapura





KUNJUNGAN HORMAT

Sepanjang tahun 2024, NADMA telah menerima dan mengadakan pelbagai kunjungan hormat dengan rakan strategik dalam dan luar negara. Kunjungan ini melibatkan pimpinan tertinggi agensi keselamatan dan kerajaan negeri seperti JBPM, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Sabah dan Selangor serta Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Pertemuan ini bukan sahaja mengeratkan hubungan kerjasama antara agensi, malah mengukuhkan jaringan koordinasi di peringkat negeri dalam pengurusan bencana.

Pada masa yang sama, hubungan antarabangsa NADMA terus diperkasa melalui kunjungan hormat dan lawatan kerja bersama pelbagai pihak termasuk *Five Power Defence Arrangements* (FPDA), *Philippine Disaster Risk Reduction and Management Council*, Kedutaan Rusia, Kedutaan Amerika Syarikat serta delegasi *Washington National Guard*.

Kehadiran Yang Teramat Mulia Tunku Temenggong Kedah selaku Pengerusi Bulan Sabit Merah Malaysia dan MATCH turut menyerlahkan nilai sokongan kemanusiaan dalam usaha NADMA.

Secara keseluruhannya, siri kunjungan ini menzahirkan kepercayaan serta pengiktirafan pelbagai pihak terhadap peranan NADMA sebagai peneraju utama dalam pengurusan bencana negara.

24 Januari 2024 - Kunjungan Hormat Ketua Pengarah Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Ke Atas Ketua Pengarah NADMA





4 Mac 2024 - Kunjungan Hormat Ketua Pengarah NADMA Ke Atas Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Dan Ketua Polis Melaka





8 Mac 2024 - Kunjungan Hormat Ketua Pengarah NADMA Ke Atas Setiausaha Persekutuan Sabah





29 Mac 2024 - Kunjungan Hormat Ketua Pengarah NADMA Ke Atas Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor





18 April 2024 - Kunjungan Hormat Ketua Pengarah NADMA Ke Atas Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang





12 Jun 2024 - Lawatan Kerja Oleh *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) *Headquarters Integrated Area Defence System* (HQIADS)





21 Jun 2024 - Kunjungan Yang Teramat Mulia Tunku Temenggong Kedah, Merangkap Pengerusi Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Dan Pengerusi *Malaysian Humanitarian Action And Coordination Hub* (MATCH) Ke Atas Ketua Pengarah NADMA





25 Jun 2024 - Kunjungan Hormat *Philippine Disaster Risk Reduction And Management Council* Ke Atas Ketua Pengarah NADMA





28 Jun 2024 - Kunjungan Hormat Oleh Tuan Yang Terutama Naiyl M. Latypov, Duta Besar Persekutuan Rusia





11 Oktober 2024 - Kunjung Hormat NADMA Ke Kedutaan Amerika Syarikat





15 November 2024 - Kunjungan Hormat Delegasi Washington National Guard Kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara





OPERASI LAPANGAN

Sepanjang tahun 2024, NADMA telah melaksanakan beberapa operasi penting serta simulasi bencana pelbagai peringkat dalam memastikan kelancaran kerjasama antara agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana.

Antaranya termasuk mengadakan OPA bagi mengurangkan impak fenomena cuaca ekstrem serta usaha meningkatkan paras takungan air di kawasan terjejas. Beberapa latihan *table top* dan lapangan bencana agensi berkaitan juga turut diadakan.

Selain itu, NADMA turut turun padang meninjau lokasi banjir serta menyalurkan bantuan segera kepada mangsa yang terkesan.

Pendekatan ini mencerminkan kesungguhan NADMA untuk bertindak proaktif dalam pengurangan risiko bencana, di samping memastikan setiap lapisan masyarakat menerima perhatian dan sokongan sewajarnya.

9 Januari 2024 - Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri Ke Lokasi Banjir Di Sekitar Jalan Tun Sri Lanang Dan Jambatan Sungai Bang, Kota Tinggi, Johor





11 Januari 2024 - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Semai Bakti, Felda Chini Timur 3, Pahang





28 Februari 2024 - Operasi Pembenihan Awan (OPA) Telah Dilaksanakan Dengan Menyasarkan Kawasan Sekitar Empangan Teluk Bahang & Ayer Itam, Pulau Pinang Serta Empangan Bukit Merah, Perak





28 Mac 2024 - Operasi Pembenihan Awan (OPA) Di Sekitar Kawasan Negeri Sabah Khususnya Papar, Lahad Datu Dan Tawau Yang Terjejas Akibat Cuaca Panas Dan Kering





21 Mei 2024 - Latih Amal Bencana Industri (Ex-Helang) Di Prai Bulk Cargo Terminal, Perai, Pulau Pinang





12 Jun 2024 - Lawatan Kerja Oleh *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) *Headquarters Integrated Area Defence System* (HQIADS)





23 Jun 2024 - Tinjauan Persediaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) Oleh Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan Di Pangkalan Udara TUDM, Subang Untuk Kawasan Tadahan Hulu Sungai Kelantan Seperti Kuala Krai Dan Gua Musang, Kelantan





30 Julai 2024 - Operasi Pembenihan Awan (OPA) Untuk Empangan Bukit Merah, Perak Dan Empangan Muda, Kedah





21 September 2024 - YAB Perdana Menteri Melawat Mangsa Banjir Di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Di Stadium Sultan Abdul Halim, Sekolah Menengah Agama Dan Sekolah Kebangsaan Titi Gajah, Alor Setar, Kedah





29 November 2024 - Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Di Sekolah Kebangsaan Tapang Dan Sekolah Kebangsaan Sering, Kota Bahru, Kelantan





30 November 2024 - Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Di Sekolah Kebangsaan Nibong Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Matang, Kuala Berang, Terengganu





1 Disember 2024 - Lawatan YAB Perdana Menteri Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Di Sekolah Kebangsaan Telaga Papan Dan Sekolah Kebangsaan Mangkok, Setiu, Terengganu





RAKAN NADMA

Rakan NADMA terus menjadi tulang belakang penting dalam memperkukuh tindak balas bencana negara.

Sepanjang tahun 2024, pelbagai pengisian telah dilaksanakan termasuk penganjuran Konvensyen Rakan NADMA, penglibatan sukarelawan serta penyelarasan bantuan kemanusiaan kepada komuniti terjejas.

Melalui platform ini, NADMA bukan sahaja mengiktiraf peranan strategik sukarelawan, malah memperluaskan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan penyaluran bantuan lebih tersusun, pantas dan berkesan.

Usaha ini menzahirkan semangat gotong-royong serta kebersamaan dengan masyarakat sekaligus memperkukuh ketahanan komuniti di seluruh negara.

8 Januari 2024 - Penyerahan Sumbangan Kepada Mangsa Banjir Oleh KFC Malaysia Di Bawah *Add Hope* Malaysia





9 Hingga 11 Julai 2024 - *Sabah Emergency Response & Coordination Workshop* (SA-COORD)





20 Julai 2024 - Program Sukarelawan Anak Malaysia (SATRIA) Peringkat Lanjutan Di Campsite Lubuk Semak, Ulu Dong, Pahang





8 Oktober 2024 - Konvensyen Rakan NADMA "Malaysia Madani, Siaga Bencana" Di DoubleTree By Hilton, Putrajaya Lakeside





27 Oktober 2024 - Rakan NADMA *Disaster Emergency Excercise* (RANDEX) 2024 Di Fraser Hill, Pahang





28 November 2024 - Program Pembungkusan Makanan Dan Kit Kebersihan Bagi Menghadapi Musim Banjir Di Depot Simpanan Pertahanan, Sungai Buloh, Selangor





6 Disember 2024 - Skuad Ihsan Madani NADMA & APM Ke Negeri Kelantan





PASUKAN SMART

Tahun 2024 menyaksikan pelbagai inisiatif dan penglibatan oleh Pasukan SMART dalam meningkatkan kesiapsiagaan serta keupayaan operasi.

Melalui pelaksanaan latihan, penilaian teknikal dan kerjasama dengan agensi dalam serta luar negara, pasukan ini terus memperkukuh kepakaran dalam misi mencari dan menyelamat dalam pelbagai situasi bencana.

Penglibatan aktif SMART juga menjadi bukti komitmen Malaysia dalam memastikan standard operasi penyelamatan yang seragam, moden dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Usaha ini sekaligus memperkukuh kedudukan SMART sebagai pasukan elit negara dalam bidang USAR serta menyokong objektif NADMA untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan bencana negara.

26 Januari 2024 - Operasi Mencari Dan Menyelamat Mangsa Tertimbus Akibat Tanah Runtuh Di Cameron Highlands





1 Hingga 7 September 2024 - *Mentors Assessment* INSARAG *External Reclassification* (IER) *Far-Eastern Search And Rescue Team Of Emercom Of Russia* (RUS-03) [*Field Exercise According To The* INSARAG *Guidelines*] Di Khabarovsk, Rusia





12 Hingga 20 September 2024 - *Joint Combined Exercise* Thailand–Malaysia Siri Ke–4 Tahun 2024 (JCEX THAMAL 4/2024) Di Wilayah Chachoengsao, Thailand





15 Hingga 17 September 2024 - *Joint Combined Exercise* Thailand–Malaysia Siri Ke–4 Tahun 2024 (JCEX THAMAL 4/2024) Di Wilayah Prachinburi, Thailand





27 September 2024 - Majlis Penutupan INSARAG *Re-Classification* Hunor-01 Di Hajduszoboszlo, Hungary





13 Hingga 19 Oktober 2024 - *Aus-02* INSARAG *External Reclassification* (IER) *2024* Di *Emergency Services Academy* (ESA) Sydney, New South Wales (NSW), Australia.





23 Oktober 2024 - *International Rescue Challenge* (IRC) 2024 Di Pakistan





21 Hingga 26 Oktober 2024 - *Asia Pasific Earthquake Response Exercise* (AP-ERE) 2024 Di Lahore, Pakistan





28 Oktober Hingga 1 November 2024 - USAR *Coordination Course* Di Merseyside Training Academy, Liverpool





NADMA DI MEDIA ELEKTRONIK

Sepanjang tahun 2024, NADMA giat melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan publisiti melalui pelbagai platform media massa sebagai usaha memperkukuh penyampaian maklumat awam berkaitan kesiapsiagaan dan pengurusan bencana.

Melalui sidang media, wawancara, liputan televisyen, radio serta media digital, NADMA memastikan mesej rasmi sampai tepat, pantas dan berkesan kepada masyarakat. Inisiatif ini turut menjadi wadah penting untuk membina keyakinan awam terhadap peranan NADMA, di samping menonjolkan pendekatan terbuka dan telus dalam mengurus krisis. Penglibatan media secara konsisten ini juga membantu mengukuhkan imej NADMA sebagai sumber rujukan utama kerajaan dalam isu berkaitan bencana.

Berikut adalah sebahagian wawancara eksklusif yang dihadiri oleh pengurusan tertinggi NADMA:

5 Ogos 2024 - Bicara Naratif: Waspada Impak Monsun Barat Daya Bersama Ketua Pengarah NADMA Di RTM Angkasapuri, Kuala Lumpur



7 Ogos 2024 - Malaysia Hari Ini: Perubahan Monsun Bersama Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Pasca Bencana Di TV3 Bangsar, Kuala Lumpur





9 September 2024 - Kunjungan Hormat Pengurusan Tertinggi NADMA Ke Media Prima Di Bangsar, Kuala Lumpur





23 September 2024 - Agenda Awani: Sesi Temu Bual Eksklusif Misi Bantuan Banjir Bersama Ketua Pengarah NADMA Di Astro Awani



1 November 2024 - Sinar Harian: Rakaman Dokumentari Monsun Timur Laut Bersama Ketua Pengarah NADMA





21 November 2024 - Dialog Tiga Penjuru: Cuaca Buruk... Awas Musibah Tak Terduga! Bersama Ketua Pengarah NADMA Di Astro Awani



27 November 2024 - Malaysia Hari Ini: Kesiapsiagaan Menghadapi Banjir Bersama Pengarah Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) Di TV3 Bangsar, Kuala Lumpur



30 November 2024 - Selamat Pagi Malaysia: Meningkatkan Kesiapsiagaan Komuniti Menghadapi Banjir Bersama Ketua Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Pembangunan Komuniti Dan Sosial Di RTM Angkasapuri, Kuala Lumpur



2 Disember 2024 - Bernama *World*: *Malaysia's Strategy For Disaster Readiness And Response* Bersama Ketua Pengarah NADMA Di Bernama TV



3 Disember 2024 - Radio THR Gegar: Sesi Temu Bual Peranan NADMA Dalam Menguruskan Bencana Banjir Bersama Pengarah Seksyen Pelaksanaan Operasi Di Astro Radio





5 Disember 2024 - Selamat Pagi Malaysia: Laksana Strategi Ketika Musim Banjir Bersama Ketua Pengarah NADMA Di RTM Angkasapuri, Kuala Lumpur





6 Disember 2024 - Sesi Temu Bual Eksklusif TV3 Bersama Ketua Pengarah NADMA





13 Disember 2024 - Minnal FM: Sesi Temu Bual Persediaan Dan Tindakan NADMA Dalam Menghadapi Monsun Timur Laut Bersama Leftenan Kolonel Bersekutu (PA) Dr Ajantha Segarmurthy





NADMA DI MEDIA CETAK



Nadma tumpu persiapan sebelum berlaku bencana

Sinar Harian 31/12/2024 (ms18)

KHAIRUL SHAHRIL

AGENSI Pengurusan Bencana Negara (Nadma) akan memfokuskan terhadap persiapan sebelum berlaku sesuatu bencana termasuk banjir seperti diamalkan di Jepun bagi mengurangkan risiko terutamanya melibatkan kerugian.

Ketua Pengarahnya, Datuk Khairul Shahril Idrus berkata, pengurusan bencana negara ketika ini lebih tertumpu kepada semasa kejadian.

"Kita juga telah merangka dasar pengurangan risiko bencana negara yang mana ia juga akan memberi penekanan terhadap isu-isu berkaitan dengan pengurangan risiko iaitu perkara-perkara yang perlu diambil kira semasa fasa sebelum berlakunya bencana.

"Apa yang kita lihat sekarang ialah perubahan dari segi keutamaan, dulu kita memberi tumpuan kepada usaha untuk menyelamat, membantu mangsa-mangsa semasa berlaku bencana.

"Tetapi kita telah pelajari daripada pengalaman lepas dan daripada negara lain bahawa perkara yang melibatkan pengurangan risiko juga merupakan sesuatu yang penting dalam pengurusan bencana negara," katanya.

Beliau berkata, Arahan Nadma No. 1 juga menjadi panduan utama dalam pengurusan bencana bagi mengurangkan risiko dan impak bencana.

Tambahnya, teknologi digunakan agensi terlibat dalam mengurus bencana bagi mengurangkan kesan khususnya yang banjir melanda setiap kali tiba Monsun Timur Laut (MTL) banyak membantu.

Mengulas mengenai mengenai cabaran lain dihadapi dalam mengendalikan pengurusan bencana negara, Khairul Shahril berkata, ia melibatkan penularan berita palsu.

"Memerangi berita palsu merupakan salah satu perkara yang kita beri perhatian," katanya.

60,000 kit makanan untuk mangsa bencana

Sinar Harian 27/11/2024 (ms 28)

Set makanan mampu bertahan selama 11 bulan dan sesuai dimakan terus tanpa perlu masak

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR



Aminuddin (tengah) menunjukkan kit makanan untuk mangsa bencana di seluruh negara.

KITA SELANGOR

Sebanyak 60,000 kit makanan diagihkan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) untuk diedarkan kepada mangsa dan petugas hadapan yang terlibat bencana di seluruh negara.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, setakat ini sebanyak 34,550 kit dan 15,000 set makanan sedia dimakan fasa pertama sudah diagihkan ke negeri berisiko tinggi termasuk di pantai timur Semenanjung.

Menurut beliau, kerjasama erat antara FAMA dan Nadma termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menunjukkan kesediaan menangani krisis makanan ketika bencana.

"Ada beberapa cadangan dan saranan untuk ditambah baik dan selain memberi kit makanan, kita mungkin boleh memberi nasihat keselamatan kepada mangsa seperti mengedarkan risalah dalam bentuk kod QR dan sebagainya," katanya ditemui ketika Majlis Pelepasan Pengedaran Kit Bantuan Makanan Bencana Negara Monsun Timur Laut di Pusat Memproses Makanan FAMA, Tanjong Karang di sini pada Selasa.

Aminuddin berkata, negeri tertinggi yang menerima bekalan kit makanan antaranya Kelantan, Terengganu, Pahang, Sarawak dan Sabah.

"Buat masa ini, jumlah bekalan kit makanan mencukupi namun tetap bersedia dengan sebarang kemungkinan bergantung kepada tahap bencana yang dihadapi.

"Berdasarkan rekod sebelum ini, memang kita bersedia mencapai jumlah maksimum ditetapkan," tambahnya.

Katanya, semua kit makanan sesuai dimakan segera tanpa perlu memasak dan mampu bertahan dalam tempoh sekurang-kurangnya 11 bulan.

Dalam pada itu, Aminuddin katanya, pihaknya sudah bersiap sedia memastikan bekalan makanan seperti sayur, buah, ikan, daging dan ayam mencukupi sepanjang musim banjir.

Jelasnya, FAMA akan mengadakan kerjasama dengan agensi lain seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di setiap negeri.

Rujuk NADMA, JKM selaras agihan bantuan bah

Berita Harian 2/12/2024 (ms 3)



Nancy melawat ruang klinik pada majlis Jalinan Kasih LPPKN 2024 dan perasmian Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Pengerusi LPPKN, Datuk Seri Rohani Abdul Karim. (Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Individu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta yang ingin membantu mangsa banjir dinasihat merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) atau Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi menyelaraskan agihan bantuan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya menghargai inisiatif dan usaha murni dilakukan untuk membantu mangsa banjir, namun pelarasan perlu dibuat bagi memastikan agihan bantuan lebih tersusun dan menyeluruh.

Katanya, langkah itu bagi memudahkan agensi terbabit serta NGO atau swasta untuk mengatur pergerakan agihan bantuan terutama di kawasan terputus hubungan atau berdepan risiko keselamatan.

"Pihak NGO atau swasta juga dinasihatkan supaya bergerak melalui kerajaan dan tidak bekerja secara sendiri.

"Kita faham yang menjadi mangsa itu keluarga, rakan kita, tetapi kita perlu selaraskan.

"Hubungi NADMA, JKM atau pejabat daerah. Kita akan bantu selaraskan, kalau tanpa pemakluman kita juga tak dapat nak bantu kerana ada kawasan yang sukar diakses dan kita juga mahu tiada mangsa yang keciciran bantuan," katanya selepas menghadiri majlis Jalinan Kasih Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 2024 dan perasmian Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient (FPP), di sini semalam.

Nancy memberi jaminan, kementerian menerusi JKM bersama NADMA akan memastikan agihan bantuan bencana diselaraskan sebaiknya bagi memastikan tidak berlaku keciciran bantuan.

"Koordinasi dengan semua agensi terbabit juga dibuat dengan teliti. Ini pendekatan menyeluruh kerajaan untuk membantu mangsa banjir.

"Setakat ini, juga tiada laporan keciciran bantuan yang ada kes di Rantau Panjang (Kelantan) kerana lokasi menjadi pulau akibat banjir, namun kita sudah ditangani segera," katanya.

Atur bantuan, sukarelawan

Di Shah Alam, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata Selangor dalam perbincangan untuk menggerakkan sukarelawan negeri bagi membantu proses pembersihan pascabanjir di negeri yang terkesan dengan bencana itu.

Katanya, ketika ini pihaknya sedang berhubung dengan beberapa kementerian antaranya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi mengatur pergerakan bantuan dan sukarelawan.

Beliau sedang memuktamadkan perkara itu pada peringkat pentadbiran kerajaan negeri.

"Saya sudah mengadakan perbincangan awal untuk membantu proses pembersihan nanti selepas musim banjir. Kita akan buat bersama, terutama di Kelantan, Terengganu dan Kedah yang kita lihat kesannya amat buruk," katanya.

NADMA sedia hadapi gelombang kedua MTL

Sinar Harian 4/12/2024 (ms 7)

PETALING JAYA: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersedia menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya gelombang banjir kedua pada 6 hingga 14 Disember depan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Khairul Shahril Idrus berkata, berdasarkan laporan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dijangka berlaku luruan kedua hujan pada minggu hadapan.

Bagaimanapun, beliau berkata, berdasarkan laporan itu, intensiti hujan pada luruan kedua itu dijangka lebih lemah berbanding yang dihadapi ketika ini di enam negeri termasuk Kelantan dan Terengganu.

"Intensiti hujan untuk kemungkinan luruan kedua jangkakan tidak selebat luruan pertama.

"Kemungkinan banjir bergantung kepada banyak faktor termasuk air pasang (ketika luruan), air banjir terdahulu masih belum pulih sepenuhnya, kelembapan tanah dan lain-lain," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Bagaimanapun, Khairul Shahril berkata, NADMA dan seluruh agensi kerajaan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan banjir di sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL) di seluruh negara.

"Kita bersedia dengan persiapan barangan bantuan bencana dengan agensi-agensi kerajaan yang lain.

"Stok-stok bantuan juga telah dipenuhkan semula bagi menggantikan barangan yang sudah diagihkan kepada mangsa sepanjang gelombang pertama ketika ini," katanya.



PENDUDUK mula membersihkan kawasan rumah masing-masing akibat banjir kilat yang melanda di Arena Kepayang Putra, Fair Park di Ipoh, kelmarin. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Semalam, akhbar ini melaporkan, negeri-negeri di Pantai Timur diramal mengalami banjir gelombang kedua bermula 8 hingga 14 Disember ini berikutan luruan monsun yang membawa hujan lebat serta angin kencang.

Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) melaporkan, berdasarkan analisis model-model cuaca terkini, penumpuan angin dijangka berlaku di Kelantan dan Terengganu bermula semalam sehingga awal pagi semalam.

"Keadaan ini berpotensi menghasilkan ribut petir serta hujan lebat dalam tempoh tersebut. Luruan monsun pula dijangka bermula pada 8 hingga 14 Disember ini," katanya.

Dalam gelombang pertama banjir musim tengkujuh tahun ini, sembilan negeri dilaporkan terjejas iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah, Perak, Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Jumlah pemindahan mangsa ke pusat pemindahan sementara (PPS) mencatatkan angka besar pada waktu puncak iaitu mencecah 160,000 orang.

BCorp, U Mobile donate RM5m for flood aid effort

PUTRAJAYA: In response to a recent call by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, Berjaya Corporation Bhd (BCorp) has made a generous donation of RM2 million to support those affected by the northeast monsoon floods.

The contribution, made through the Ihsan Madani Donations initiative, aims to alleviate the hardships of flood-impacted individuals across Malaysia.

During the cheque presentation ceremony at the Seri Perdana Complex yesterday, Anwar emphasised that the funds would be used to repair school buildings and toilets at such premises, as many schools have been repurposed as temporary relief centres.

The contribution comprised RM2 million from BCorp and RM3 million from U Mobile Sdn Bhd.

BCorp was represented by Berjaya Land Bhd deputy chairman Datuk Seri Robin Tan, while U Mobile was represented by its CEO Wong Heang Tuck.

In a statement, BCorp said the donation underscores its commitment as a responsible corporate citizen, demonstrating its dedication to giving back to the community and playing an active role in national recovery efforts.

The contribution highlights the vital role of corporate involvement in addressing urgent social challenges and helping rebuild affected areas, it added.



Anwar receiving the contribution from Tan during a simple ceremony yesterday.

Anwar said all donations will be coordinated by the implementation Coordination Unit of the Prime Minister's Department.

"I have asked (the unit) to list the infrastructure needs, in addition to what has been allocated by the government," he said.

The government has collected RM35.8 million in total from 23 private companies and corporate bodies for aid efforts.

PBT diminta bantu NADMA kumpul maklumat kerugian premis

Berita Harian 9/12/2024 (ms 15)



Aiman Athirah menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir pada Program Lawatan Turun Padang OperasiMonsun Timur Laut Kelantan di Kota Bharu, semalam. (Foto Siti Rohana Idris/BH)

Kota Bharu: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara membantu Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) mengumpul maklumat kerugian dialami premis bangunan atau kediaman akibat banjir.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu, berkata setakat ini kementerian itu belum memperoleh statistik kerugian dan masih mengumpul maklumat berkaitan.

"PBT telah diarahkan melihat ruang (bentuk) yang boleh kita bantu melalui KPKT dan kita turut berikan perhatian terhadap mangsa banjir.

"Pasukan kita telah bersiap sedia lebih awal, kesan masuk air ke premis atau kediaman adalah perkara biasa cuma apa-apa kerosakan itu perlu ada rekod yang sahih untuk dinilai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Lawatan Turun Padang Operasi Monsun Timur Laut Kelantan, di sini semalam.

Sementara itu, Aiman Athirah turut mengingatkan penduduk yang tinggal di kawasan rendah supaya berwaspada termasuk di Kuala Krai yang dijangka mengalami banjir bermula esok hingga Jumaat ini.

"Orang ramai perlu peka keadaan cuaca semasa dan berpindah lebih awal jika perlu," katanya. BERNAMA

Bina 32 jambatan Bailey di lokasi terjejas

Sinar Harian 9/12/2024 (ms 5)

Tujuh lokasi telah dikenal pasti dan akan diuruskan Nadma

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SABAK BERNAM



Ahmad Zahid (empat dari kanan) menyaksikan simbolik penyerahan pada Majlis Penyerahan Projek Jalan Luar Bandar di Jalan Peket 100, Simpang Lima, Sungai Besar pada Ahad.

Kerajaan sedang mengatur gerak bagi membina 32 jambatan Bailey di kawasan terjejas akibat jambatan runtuh dan jalan rosak yang menyebabkan penduduk terputus hubungan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, setakat ini kerajaan telah mengenal pasti tujuh lokasi yang akan diuruskan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

"Selebihnya, pembinaan jambatan Bailey ini membabitkan kerjasama antara Kor Jurutera ATM (Angkatan Tentera Malaysia) dan JKR (Jabatan Kerja Raya)," katanya selepas Majlis Penyerahan Projek Jalan Luar Bandar di Jalan Peket 100, Simpang Lima, Sungai Besar di sini pada Ahad.

Menurut Ahmad Zahid, pada masa ini, kerajaan sedang membuat ujian tanah di kawasan tertentu sebelum pembinaan jambatan terbabit.

Katanya, beberapa tindakan kejuruteraan sedang dilakukan di kawasan terjejas yang dikenal pasti mempunyai struktur tanah lembut dan mudah rosak.

"Kebanyakan pembinaan jambatan Bailey itu dibina di negeri Kelantan dan Terengganu.

"Dua jambatan Bailey telah pun siap sepenuhnya di Rantau Panjang dan Pasir Mas, yang kedua-duanya di Kelantan dan sedang meneliti situasi di Terengganu.

"Kos keseluruhannya bergantung kepada siapnya kerja-kerja pembinaan jambatan itu, tetapi saya telah meminta agar kerja-kerja itu disiapkan dalam tempoh 72 jam daripada mula pembinaan," ujarnya.

Sementara itu, Ahmad Zahid memaklumkan, kerajaan sedang berusaha menyediakan sembilan pusat pemindahan kekal di negeri berpotensi banjir terutama dalam usaha menampung kapasiti lebih besar membabitkan pemindahan mangsa bencana berkenaan.

"Langkah itu bertujuan mengurangkan kesesakan di pusat pemindahan sementara di sekolah yang kebanyakannya tidak dapat menampung jumlah kapasiti mangsa lebih ramai," ujarnya.



A friend in need

A special cargo flight carrying the first stage of aid for Malaysians arriving from Pakistan at the MASKargo terminal in Sepang. The flight also transported 40 tonnes of items comprising blankets, family tents, sleeping bags, safety jackets and mats. — Bernama



TAPAK simulasi bagi Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) di Markas SMART, Pulau Meranti dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2025.

Utusan Harian Metro 17/12/2024 (ms 17)

PUSAT SIMULASI SMART

99 peratus sudah siap

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Puchong

Projek pembinaan tapak simulasi bagi Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) di Markas SMART, Pulau Meranti di sini dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2025.

Timbalan Menteri Kerdapan dengan pelbagai situasi bencana dan kecemasan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau status kemajuan projek berkenaan di Markas SMART Pulau Meranti di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah JKR Selangor, Shukri Ishak dan Komander SMART Penguasa Kanan Bomba Mohd Khairul Jamil.

Ahmad berkata, projek itu adalah milik Agensi Bersatu (UN) yang mengkoordinasikan rangkaian penyelamat antarabangsa berkenaan operasi bencana rentas sempadan," katanya.

Beliau berkata, terdapat beberapa modul latihan simulasi yang disediakan dalam projek itu termasuk modul kereta kabel (modul menyelamat kemalangan kereta kabel) dan modul hazmat (modul menyelamat di kawasan yang terdapat bahan-bahan



AHMAD Maslan (tengah) ketika melawat Tapak Simulasi Bencana SMART, di Puchong, Selangor.

Pusat Simulasi Bencana SMART siap Februari tahun depan

Utusan Malaysia 17/12/2024 (ms 9)

PUCHONG: Status kemajuan Projek Pembinaan Tapak Simulasi Bencana bagi Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) kini sudah mencapai 99 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2025.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, pusat simulasi tersebut bakal menjadi tumpuan pelbagai pihak termasuk luar negara untuk latihan serta kajian berkaitan pengurusan bencana.

Katanya, Malaysia perlu bersaing dengan negara maju seperti Singapura dalam mengembangkan kepintaran inovasi.

"Dengan wujudnya pusat ini, ia bukan sahaja dapat melatih pasukan SMART, malah semua pihak yang terlibat dalam menghadapi situasi bencana.

"Jika kita tidak bersedia dengan langkah sebegini, kadar kematian akibat bencana pasti menjadi lebih menggusarkan," katanya ketika berucap dalam Lawatan Kerja Projek Pembinaan Tapak Simulasi Bencana bagi SMART, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor, Shukri Ishak berkata, pusat ini bakal menjadi pusat simulasi bencana yang pertama di Malaysia dan yang kedua di rantau Asia Tenggara selepas Singapura.

Katanya, pusat latihan tersebut bertujuan melatih dan memperkasakan kepakaran pegawai dan anggota SMART di samping membuat simulasi bencana supaya Malaysia sentiasa dalam keadaan bersedia sewaktu berhadapan dengan pelbagai situasi bencana dan kecemasan.

"Pusat ini berupaya dijadikan simulasi pelbagai senario bencana yang akan menjadi asas kepada latihan komprehensif dan berdasarkan situasi sebenar bencana (near-reality).

"Fasiliti dan teknologinya menyokong semua keperluan dalam memudahkan pasukan SMART mengekalkan pengiktirafan INSARAG (*International Search and Rescue Advisory Group*) yang mengkoordinasikan rangkaian penyelamat antarabangsa berkenaan operasi bencana rentas sempadan," katanya.

Sebanyak lapan modul latihan simulasi projek antaranya Modul Kereta kemalangan, Hazmat, Menyelamat Kemalangan Keretapi Bawah Tanah, Menyelamat Bangunan Runtuhan Penuh, Menyelamat Bangunan Runtuhan Pelbagai dan Menyelamat Bangunan Separa Runtuh.

GLOSARI



Langkawi Sky Bridge, Langkawi

GLOSARI

ACDM	-	ASEAN *Committee on Disaster Management*
ADINet	-	ASEAN *Disaster Information Network*
ADRC	-	*Asian Disaster Reduction Center*
AHA Centre	-	ASEAN *Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management*
ALPHA	-	Akademi Latihan Pertahanan Awam
APEC	-	*Asia-Pacific Economic Cooperation*
APM	-	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
ARDEX	-	ASEAN *Regional Disaster Emergency Response Simulation Exercise*
ATM	-	Angkatan Tentera Malaysia
BBNGO	-	Bantuan Bencana NGO Malaysia
BKN	-	Bulan Kesiapsiagaan Nasional
BSMM	-	Bulan Sabit Merah Malaysia
BWI	-	Bantuan Wang Ihsan
CBDRM	-	*Community Based Disaster Risk Management*
CDRT	-	*Crisis Disaster Response Team*
CBRNe	-	*Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and explosives*
CIE	-	*Committee on International Engagement*
DBKL	-	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DGIM	-	*Defence Geospatial Information Management*
DPPC	-	Pusat Kesiapsiagaan dan Pencegahan Bencana
DRR	-	*Disaster Risk Reduction* (Pengurangan Risiko Bencana)
DMWG	-	*Disaster Management Working Group*
DPB	-	*Dashboard* Pengurusan Bencana
EPWG	-	*Emergency Preparedness Working Group*
ERP	-	Pelan Tindak Balas Kecemasan
ERAT	-	*Emergency Response and Assessment Team*
FAT	-	*Final Acceptance Test*
FAMA	-	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
GIS	-	*Geographic Information System*
GLC	-	Syarikat Berkaitan Kerajaan
HADR	-	*Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (Bantuan Kemanusiaan dan Bencana)
HLC	-	*High Level Committee*
ICS	-	*Incident Command System*
ICMS	-	INSARAG *Coordination Management System*
IEC	-	INSARAG *External Classification*
IER	-	INSARAG *External Reclassification*
INSARAG	-	*International Search and Rescue Advisory Group*

JAN	-	Jabatan Audit Negara
JAS	-	Jabatan Alam Sekitar
JBPM	-	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
JMG	-	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
JPBD	-	Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah
JPBN	-	Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri
JPBP	-	Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat
JPS	-	Jabatan Pengairan dan Saliran
JUPEM	-	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
JWP	-	Jabatan Wilayah Persekutuan
KADA	-	Kemajuan Pertanian Kemubu
KIR	-	Ketua Isi Rumah
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KOB	-	Komander Operasi Bencana
KWABBN	-	Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara
MBD	-	Monsun Barat Daya
MERCY Malaysia	-	Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia
MET Malaysia	-	Jabatan Meteorologi Malaysia
MJIIT	-	Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun
MKN	-	Majlis Keselamatan Negara
MRA	-	*Malaysian Relief Agency*
MTL	-	Monsun Timur Laut
MyCEDM	-	Pusat Kecemerlangan Pengurusan Bencana Negara
MyDIMS	-	*Malaysian Disaster Information Management System*
NADMA	-	Agensi Pengurusan Bencana Negara
NDCC	-	Pusat Kawalan Bencana Negara
NGO	-	Badan Bukan Kerajaan
OPA	-	Operasi Pembenihan Awan
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
PICN	-	Pelan Induk Cerun Negara
PKOB	-	Pusat Kawalan Operasi Bencana
PKTK	-	Pusat Kawalan Tempat Kejadian
PPKB	-	Pusat Pemindahan Kekal Bencana
PPS	-	Pusat Pemindahan Sementara
PTO	-	Peraturan Tetap Operasi
RAJD	-	Rejimen Askar Jurutera Diraja
SAR	-	*Search and Rescue* (Operasi Mencari dan Menyelamat)
SFDRR	-	*Sendai Framework for Disaster Risk Reduction*

SMART	-	*Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team* (Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia)
TM	-	Telekom Malaysia
TTX	-	*Table Top Exercise*
TKOB	-	Timbalan Komander Operasi Bencana
UAV	-	*Unmanned Aerial Vehicle*
UITM	-	Universiti Teknologi MARA
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMS	-	Universiti Malaysia Sabah
UN	-	*United Nations*
UNDAC	-	*United Nations Disaster Assessment and Coordination*
UNDRR	-	*United Nations Office for Disaster Risk Reduction*
UNOCHA	-	*United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs*
UPNM	-	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
USAR	-	*Urban Search and Rescue*

JABATAN PERDANA MENTERI
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

Agensi Pengurusan Bencana Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras B1, 6 dan 7, Setia Perkasa 5
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya

+603 8870 4800
+603 8870 4848
admin@nadma.gov.my

www.nadma.gov.my
Agensi Pengurusan Bencana Negara
@mynadma
NADMA_Malaysia
NADMA_Malaysia